

# LAPORAN TAHUNAN

*annual report* 2013



**Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia**  
*Department of Survey and Mapping Malaysia*



# LAPORAN TAHUNAN 2013



# Kandungan

## LAPORAN TAHUNAN 2013

<b>PERUTUSAN KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA</b>	4
<b>1 MAKLUMAT KORPORAT</b>	5
PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN	7
PROFIL PENGURUSAN TERTINGGI	8
KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM	14
• Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan	
• Bahagian Pemetaan	
• Bahagian Kadaster	
• Bahagian Geospatial Pertahanan	
CARTA ORGANISASI JABATAN	18
LAGU JABATAN	20
DEFINISI LOGO	21
OBJEKTIF DAN FUNGSI   VISI, MISI DAN MOTO	22
<b>2 TADBIR URUS KORPORAT</b>	23
• Piagam Pelanggan   Kod Etika	25
• Pengurusan Sumber Manusia	26
• Kursus dan Latihan	32
• Laman Web JUPEM Geoportal	35
• Penerima Bintang Kebesaran Persekutuan dan Negeri	38
<b>3 LAPORAN PRESTASI 2013</b>	41
INFRASTRUKTUR GEODETIK	
• Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS	43
• MyRTKnet	44
• Cerapan Air Pasang Surut	45
• Jaringan Ukur Aras	46
• Ukuran Graviti	48
• Sistem iFOS	49
• Makmal Kalibrasi Ukur Aras	50
• Astronomi	50

PERSEMPADANAN ANTARABANGSA	
• Persempadanan Darat Malaysia-Thailand	52
• Persempadanan Darat Malaysia-Indonesia	53
• Persempadanan Maritim Malaysia-Indonesia	54
• Persempadanan Maritim Malaysia-Singapura	54
• Persempadanan Maritim Malaysia-Vietnam	55
• Persempadanan Darat Malaysia-Brunei Darussalam	56
PERSEMPADANAN NEGERI	56
SAKSI PAKAR KES-KES DI MAHKAMAH	58
PENERBITAN PETA	
• Penawanan Data	59
• Ukuran Titik Kawal	60
• Pangkalan Data	61
• Pengemaskinian Peta Topografi	61
• Kartografi	62
• Percetakan	63
• Pemetaan Utiliti	70
• Perkhidmatan Pemetaan	72
UKURAN KADASTER	
• Pencapaian Ukuran Hak Milik Tanah	74
• Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Tanah Oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB)	76
• Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat I	77
• Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat II	78
• Pencapaian Penandaan Titik Kawalan CRM	79
GEOSPATIAL PERTAHANAN	
• Bantuan Khidmat Teknikal Geospatial Pertahanan	80
• Bantuan Khidmat Teknikal Geospatial Pertahanan di Medan	83
• Penguatkuasaan Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospatial Terperingkat	85
<b>4 LAPORAN KEWANGAN</b>	
• Pengurusan Kewangan	89
• Belanja Mengurus	90
• Belanja Pembangunan	92
• Hasil	93
<b>5 ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN</b>	95
<b>6 RENTETAN PERISTIWA 2013</b>	101
<b>7 DIREKTORI JABATAN</b>	113

## PERUTUSAN

### KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera,

Segala puji bagi Allah S.W.T kerana memberkati kita semua dengan kesihatan yang baik dan komitmen yang tinggi serta kekuatan fizikal dan moral bagi membolehkan kita menyempurnakan segala tanggungjawab dan kerja yang telah diamanahkan dengan cemerlang dan berkualiti.

Alhamdulillah, saya turut bersyukur ke hadirat Illahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya JUPEM telah dapat menerbitkan buku Laporan Tahunan bagi tahun 2013 ini yang bertujuan untuk menjadi sumber rujukan kepada semua di masa-masa yang akan datang.

Naskah penerbitan ini adalah berdasarkan kepada laporan pencapaian prestasi tahun 2013 oleh setiap Bahagian/Seksyen termasuk JUPEM Negeri agar ianya dapat dijadikan rujukan atau penanda aras dalam meningkatkan mutu perkhidmatan jabatan. Saya sangat mengalu-alukan penerbitan ini sebagai salah satu rujukan ringkas dan juga kayu pengukur bagi penerbitan lain di masa-masa akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Seksyen Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan dan Seksyen Percetakan yang telah bersama-sama berusaha mengambil inisiatif menerbitkan naskah sebegini. Adalah menjadi harapan saya agar usaha murni dan kesepakatan utuh yang telah ditunjukkan oleh sidang pengarang dan penyunting dalam menjayakan penerbitan ini akan terus dipertingkatkan dan diberkatiNya. Semoga penerbitan sebegini akan sentiasa diperbaiki serta dipertingkatkan mutunya dengan lebih kreatif, inovatif dan berinformasi.

Tahun lalu, jabatan telah mencatatkan 1001 kenangan dan pelbagai kejayaan serta pencapaian yang sangat dibanggakan oleh kita semua. Namun, suka untuk saya mengingatkan warga JUPEM semua agar tidak tenggelam dan terus leka dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sebelum ini. Kejayaan yang lalu sewajarnya dijadikan sebagai penanda aras untuk kita lebih berusaha bagi mencapai sesuatu yang jauh lebih baik dari sebelumnya. Produktiviti dan kreativiti sebagai seorang penjawat awam perlu sentiasa berada di tahap yang terbaik dan dipertingkatkan.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat dalam penghasilan naskah Laporan Tahunan 2013 ini. Besarlah harapan saya agar naskah penerbitan ini akan dapat menjadi rujukan maklumat yang bermanfaat khasnya kepada pihak pengurusan jabatan dan umumnya kepada semua. Semoga JUPEM akan terus berjaya di tahun-tahun yang mendatang.


Sekian, salam hormat dan terima kasih.

KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN  
MALAYSIA



# MAKLUMAT KORPORAT





## PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN



**1** DATUK PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB  
Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

**2** SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I

**3** SR HASAN BIN JAMIL  
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

**4** DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA  
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)

**5** SR DR. TENG CHEE HUA  
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

**6** BRIGEDIER JENERAL DATO' ZAHARIN BIN DIN  
Pengarah Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP)



**DATUK PROF. SR DR. ABDUL KADIR BIN TAIB**  
**PJN, DSDK, SDK, KMN**  
**Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia**  
**Pengarah Pemetaan Negara**

YBhg. Datuk Prof. Sr Dr. Abdul Kadir bin Taib telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 17 Jun 2009.

Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah Geomatik dari *University New South Wales Australia*, Ijazah Sarjana Sains (Fotogrametri), Diploma Lanjutan Fotogrametri ITC Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Datuk Prof. Sr Dr. Abdul Kadir pernah bertugas sebagai Jurutera Fotogrametri, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Geodesi), Penolong Pengarah Ukur Topografi (Fotogrametri), Timbalan Pengarah Ukur Johor, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan) dan Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan). Pada 2 September 2002 beliau telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) seterusnya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan mulai 20 Mac 2004 sehingga 16 Jun 2009.

Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT), Presiden JICA *Alumni Society of Malaysia (MyJICA)*, Felo *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)* U.K, Ahli Persatuan Alumni Universiti Teknologi Malaysia, Profesor Tamu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah. Beliau juga adalah Presiden Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) dari Jun 2005 sehingga Jun 2006. Sebagai mengiktiraf penglibatan aktif beliau kepada profesion ukur, beliau telah dinamakan sebagai Juruukur Malaysia Tahun 2011.

Pada 4 Jun 2011 beliau telah dianugerahkan pingat Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (PJN) sempena Hari Keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong XIII, Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah yang membawa gelaran Datuk.

Sr Ahmad Fauzi bin Nordin telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 17 Jun 2009 dan pada 16 November 2010 sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia I.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains (Geoinformatik) dari Universiti Teknologi Malaysia, *Postgraduate Diploma in Geographical Information System (GIS)* daripada ITC, Netherlands dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur Daerah Kuala Kangsar, Penolong Pengarah Ukur Topografi (Wilayah Utara), Timbalan Pengarah Ukur Kedah/Perlis, Penolong Pengarah Ukur Kadaster (RT), Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas) Pahang, Timbalan Pengarah Ukur Perak, Pengarah Ukur Topografi Sarawak, Timbalan Pengarah Ukur 1 Topografi Semenanjung, Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur, Ketua Penolong Pengarah Ukur (Hak Milik), Pengarah Ukur Selangor dan Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik). Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 2 September 2002 dan sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) pada 5 April 2004.

Beliau juga adalah Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) dan Presiden RISM bagi sesi 2011/2012, Pengerusi *Malaysian Building Industry Presidents Council (BIPC)*, Timbalan Pengerusi Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



**SR AHMAD FAUZI BIN NORDIN,**  
JSM, SMZ, KMN  
**Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I**



**SR HASAN BIN JAMIL,**  
**JMW, AMN**  
**Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II**

Sr Hasan bin Jamil telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II pada 16 November 2010.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana *Geographical Information System (GIS)* dari *University of Edinburgh, United Kingdom* dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau pernah bertugas sebagai Juruukur di Jabatan Ukur Terengganu, Penolong Pengarah Ukur Kelantan, Juruukur Daerah Kelantan Selatan Machang, Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah, Pengarah Ukur Topografi Sabah, Penolong Pengarah Ukur Kadaster, Pengarah Ukur Pulau Pinang, Pengarah Ukur W.P. Kuala Lumpur, Pengarah Ukur Selangor, Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik), Pengarah Ukur Seksyen (Ehwal Persempadanan), Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Kuala Lumpur dan Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan).

Beliau juga adalah Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) dan Pengerusi Bahagian Geomatik dan Ukur Tanah, RISM bagi sesi 2010/2013 dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



YBhg. Dato' Sr Mohd Noor Bin Isa telah dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) pada 16 November 2010.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia dan pernah bertugas sebagai Juruukur Latihan (Jabatan Ukur Perak), Juruukur Daerah Perak Utara, Penolong Pengarah Ukur Pahang, Juruukur Daerah Pahang Barat, Juruukur Urusetia Unit Khas, Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan), Ketua Penolong Pengarah Ukur (Latihan) dan Ketua Penolong Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Pembangunan).

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan), Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang dan seterusnya Pengarah Ukur Topografi Sabah.

Beliau juga adalah Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.

**DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA,  
DIMP, SMP  
Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan)**



**SR DR. TENG CHEE HUA, KMN**  
**Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)**

Sr Dr. Teng Chee Hua memulakan perkhidmatan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia sebagai Penolong Pengarah Ukur pada 10 April 1980 dan dilantik sebagai Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster) pada 8 Disember 2010.

Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari *University Newcastle Upon Tyne, United Kingdom* (2000), Ijazah Sarjana (Kejuruteraan Ukur) *University of New Brunswick, Canada* (1992), *Postgraduate Diploma in Photogrammetry* (Distinction) dari ITC, Netherlands (1984) dan Ijazah Sarjana Muda Ukur (Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia (1980).

Beliau pernah bertugas sebagai Penolong Pengarah Ukur Topografi Wilayah Barat, Penolong Pengarah Ukur Topografi Sabah, Pengurus CALS Johor, Timbalan Pengarah Ukur Johor, Pengarah Ukur (Geodesi) dan Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Dasar Kadaster).

Beliau juga adalah Felo Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia (RISM) serta pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agong RISM dan seorang Juruukur Tanah Bertauliah.



YBhg. Brig. Jen. Dato' Zaharin bin Din telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP) mulai 3 Mei 2011.

Sebelum memegang jawatan Pengarah BGSP beliau adalah Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan sejak 9 September 2005.

Beliau telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera Diraja pada 25 April 1974. Beliau memegang Diploma Pengajian Pertahanan dan Strategik dari Maktab Pertahanan. Beliau juga telah menghadiri kursus-kursus tertinggi kejuruteraan sivil di Institut Kejuruteraan Medan Tentera Darat di Malaysia dan United Kingdom.

Beliau juga telah terlibat dalam operasi menghapus pergerakan komunis Malaya dari tahun 1974 sehingga tahun 1981. Selain tugas operasi di dalam negara, beliau juga telah berkhidmat dengan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Ketua Timbalan Pemerhati Tentera di Sierra Leone pada tahun 2002.

**BRIGEDIER JENARAL DATO' ZAHARIN BIN DIN**  
**DIMP, DPKK, JSM, PAT, PCM, ACM, KMN, AMP,**  
**PJM, PNBB, mpat, psc**

**Pengarah Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP)**

## KUMPULAN PENGURUSAN JUPEM



### PEJABAT KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN

1	Pengarah Ukur (Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan)	Sr Haji Ramli bin Nor
2	Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan)	Haji Abdul Hamid bin Hasan
3	Pengarah Ukur (Perancangan Gunatenaga)	YM Sr Engku Mohd Adlin bin Engku Habib
4	Pengarah (Pembangunan Sistem)	Azlina binti Haron (mulai 15 Julai 2013) Ahmad Kamil bin Hassan Rabein (sehingga 14 Julai 2013)



### BAHAGIAN PEMETAAN

1	Pengarah Ukur (Ehwal Persempadanan)	Sr Tan Ah Bah
2	Pengarah Ukur (Topografi Semenanjung)	Sr John Elvis Koh
3	Pengarah Ukur (Kartografi)	Sr Haji Ali bin Ahmad
4	Pengarah Ukur (Penawanan Data)	Sr Haji Mohamad Kamali bin Adimin
5	Pengarah Ukur (Topografi Sarawak)	Sr Sohaime bin Rasidi
6	Pengarah Ukur (Perkhidmatan Pemetaan)	Sr Ng Eng Guan
7	Pengarah Ukur (Geodesi)	Sr Dr. Azhari bin Mohamed
8	Pengarah Ukur (Topografi Sabah)	Sr Mohammad Zaki bin Mohd Ghazali
9	Pengarah Ukur (Pemetaan Utiliti)	Sr Zoher bin Nomanbhoy
10	Pengarah (Percetakan Peta)	Haji Muhammad Puzi bin Ahmat
11	Pengarah Ukur (Pangkalan Data)	Ahmad Sanusi bin Che Cob



#### BAHAGIAN KADASTER

1	Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan	Sr Haji Hamdani bin Haji Sadiman
2	Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor	Sr Ahamad bin Zakaria
3	Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah	Sr Haji Mohammad Yunus bin Md. Yusoff
4	Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu	Sr Haji Abd Rahman bin Mohd Don
5	Pengarah Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya	Md. Zaki bin Ad. Wahid
6	Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak	Sr Jasni bin A. Rahman
7	Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan	Sr Dr. Zainal bin A. Majeed
8	Pengarah Ukur (Penyelarasan dan Dasar Kadaster)	Sr Haji Alwi bin Mohd Noor
9	Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang	Sr Abdul Aziz bin Jantan
10	Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang	Sr Ahmad Azman bin Ghazali
11	Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor	Sr Wan Zainuddin bin Wan Yusuff
12	Pengarah Ukur Seksyen (Naziran / Juruukur Berlesen)	Sr Dr. Mohd Yunus bin Mohd Yusoff
13	Pengarah Ukur (Perundangan Kadaster)	Sr Chan Keat Lim
14	Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis	Jamilah binti Ibrahim
15	Pengarah Ukur dan Pemetaan Melaka	Sr Ahmad Tarmizi bin Bastani (mulai 1 April 2013) Sr Kamil bin Arifin (sehingga 31 Mac 2013)
16	Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan	Sr Mohamad Hashim bin Mat Hassan



**BAHAGIAN GEOSPATIAL PERTAHANAN**


1	Pengarah Seksyen Pembangunan Geospasial	Kol. Sr Dr. Mohd Zambri bin Mohamad Rabab
2	Pengarah Seksyen Pembangunan Maklumat	Lt. Kol. Sr Arifin bin Abdul Rahman
3	Pengarah Seksyen Operasi dan Latihan	Lt. Kol. Sr Muhamad Nadzir bin Mat Isin





010101

## CARTA ORGANISASI



Nota : JUPEM mempunyai jawatan Kader di Jabatan Kerja Raya (JKR), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Sumber Asli (NRE), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Kementerian Pertahanan Malaysia, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Laut Semenanjung dan Jabatan Laut Sarawak.



DATUK PROF. SR. DR. ABDUL KADIR B. TAIB,  
PJN, DSDK, SDK, KMN  
Ketua Pengarah Ukur dan  
Pemetaan Malaysia

Unit Integriti



SR HASAN B. JAMIL, JMW, AMN  
Timbalan Ketua Pengarah  
Ukur dan Pemetaan II



SR DR. TENG CHEE HUA, KMN  
Pengarah Ukur  
Bahagian (Kadaster)



BRIG. JEN. DATO' ZAHARIN B. DIN,  
DIMP, DPKK, JSM, PAT, PCM, ACM,  
KMN, AMP, PJM, PNBB, mpat, psc  
Pengarah Bahagian  
Geospatial Pertahanan

Seksyen  
Penyelarasan dan  
Dasar Kadaster

Seksyen  
Perundangan Kadaster

Seksyen Naziran  
Juruukur Berlesen

Seksyen  
Pembangunan Geospatial

Seksyen  
Pembangunan Maklumat

Seksyen  
Operasi dan Latihan

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
JOHOR

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
NEGERI SEMBILAN

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
KEDAH

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
W.P. KUALA LUMPUR/PUTRAJAYA

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
KELANTAN

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
MELAKA

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
W.P. LABUAN

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
SELANGOR

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
PULAU PINANG

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
PAHANG

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
TERENGGANU

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
PERAK

Jabatan Ukur dan Pemetaan  
PERLIS



## LAGU JABATAN


### JUPEM MAJU DAN JAYA

Positif Penuh Beretika  
 Realistik Kita Menuju Satu Wawasan  
 Perkhidmatan Cepak dan Berkesan  
 Kecemerlangan Dijanjikan

Kualiti Teras Perkhidmatan  
 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia  
 Kemuafakatan Prihatin dan Peka  
 Iltizam Mulia Visi Jaya

Pengukuran dan Pemetaan  
 Tugas Diamanahkan  
 Adil Saksama dan Layanan Mesra  
 Jadi Amalan

JUPEM Warga Penuh Setia  
 Menabur Bakti Budi dan Jasa  
 Menyumbang Pembangunan Negara  
 Terus Berjaya



## DEFINISI LOGO



- Reka bentuk logo JUPEM terdiri daripada 3 bentuk asas iaitu titik-titik, bulatan gedang dan garisan orbit. Titik-titik ini terpisah dua oleh garisan orbit mencerminkan dua aktiviti utama JUPEM iaitu aktiviti pengukuran kadaster dan aktiviti pengukuran pemetaan.
- Warna oren melambangkan keceriaan, kegemilangan, kepekaan JUPEM kepada kehendak pelanggan dan menyatakan kewujudan dan kepentingan JUPEM kepada masyarakat dan negara.
- Warna hijau adalah warna rasmi jabatan dan dipilih bagi menunjukkan bahawa JUPEM sentiasa prihatin dan memberi perhatian serius kepada aspek alam semula jadi dalam pemeliharaan persekitaran yang sihat.
- Penampilan titik-titik memberi petunjuk bahawa JUPEM menggunakan teknologi elektronik dan sistem jaring untuk memperkasakan maklumat ukur dan pemetaan.
- Garisan orbit pula menitikberatkan betapa pentingnya komunikasi, penyebaran maklumat dan rangkaian.
- Imej baru JUPEM yang ditampilkan pada keseluruhannya adalah lebih energetik, dinamik, progresif serta mampu bersaing dalam menghadapi cabaran-cabaran yang bersifat sejangkit khususnya dalam penyediaan infrastruktur ukur dan pemetaan bagi mendukung Dasar Pembangunan Negara.

## OBJEKTIF

- Memastikan produk dan perkhidmatan ukur kadaster dan pemetaan menepati sistem kualiti serta memenuhi keperluan pelanggan.
- Memastikan pewujudan dan penyelenggaraan Pangkalan Data Ukur Kadaster dan Pemetaan yang kemaskini dan berkualiti bagi memenuhi keperluan infrastruktur data geospasial negara.
- Menjadikan JUPEM pusat kecemerlangan dan rujukan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan.
- Memastikan penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan negeri dan antarabangsa memenuhi keperluan pentadbiran negeri serta menjamin kedaulatan negara.

## FUNGSI

- Menasihati Kerajaan dalam bidang ukur kadaster dan pemetaan serta persempadanan negeri dan antarabangsa.
- Menyediakan maklumat ukur kadaster secara lengkap dan kekal untuk tujuan pengeluaran hakmilik tanah, strata dan stratum.
- Menguruskan pangkalan data ukur kadaster dan pemetaan dengan efisien.
- Menerbitkan peta-peta topografi, kadaster, tematik dan utiliti untuk tujuan perancangan, pengurusan sumber asli, pemuliharaan alam sekitar, pembangunan, pemantauan dan keselamatan.
- Menentu, menanda, mengukur dan menyelenggara sempadan-sempadan negeri dan antarabangsa demi menjaga kedaulatan Negara.
- Menyediakan infrastruktur geodetik bagi ukuran kadaster, pemetaan, kejuruteraan dan kajian saintifik.

## VISI

Menjadikan JUPEM terbilang dalam Perkhidmatan Ukur dan Pemetaan serta Pengurusan Data Geospasial bagi memenuhi wawasan negara.

## MISI

Menyediakan Perkhidmatan Ukur dan Pemetaan serta Pengurusan Data Geospasial yang berkualiti melalui sistem terbaik, sumber manusia yang kompeten dan persekitaran kerja yang kondusif.

## MOTO

Pemacu Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Negara.

# TADBIR URUS KORPORAT





## PIAGAM PELANGGAN

- Menyiapkan kerja ukur kadaster sehingga penyediaan Pelan Akui dalam tempoh tidak melebihi 60 hari dari tarikh penerimaan Permohonan Ukur yang lengkap dan teratur.
- Memastikan penyemakan ke atas kerja-kerja Juruukur Tanah Berlesen (JTB) disiapkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh penyerahan dokumen yang lengkap dan teratur.
- Memproses Pelan Strata dalam tempoh 30 hari dan Pelan Akui Strata dalam tempoh 50 hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap dan teratur.
- Memastikan pengeluaran nombor-nombor lot dilakukan dalam tempoh tidak melebihi 7 hari dari tarikh permohonan yang lengkap dan teratur daripada Juruukur Tanah Berlesen.
- Menyedia serta membekalkan data-data ukur untuk penyediaan suratan hakmilik ke Pejabat Tanah / Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dalam tempoh 7 hari dari penerimaan permohonan yang sempurna dan teratur.
- Memastikan dokumen geospatial terperingkat dibekalkan dalam masa 2 hari selepas menerima kelulusan tapisan keselamatan.
- Memastikan data pasca proses MyRTKnet dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 4 jam.
- Memastikan sebarang permohonan pembelian maklumat geodetik tidak terhad dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari.
- Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan transformasi koordinat, penukaran koordinat, unjuran peta dan interpolasi geoid dapat diurus dan dibekalkan dalam masa 1 hari.
- Memastikan sebarang permohonan perkhidmatan / pembelian bagi setiap salinan data ukur / peta tidak terhad di kaunter JUPEM dapat diuruskan dalam masa 1 jam.
- Memastikan data-data ukur dapat diakses dan diperolehi melalui e-commerce pada bila-bila masa.
- Membuat pembayaran bil dan invoice tidak melebihi 14 hari dari tarikh penerimaan lengkap diterima.

## KOD ETIKA

- Amanah dan jujur dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- Sentiasa sabar, tenang dan cekal dalam semua situasi.
- Benar, tulus dan ikhlas dalam menjalankan sebarang urusan.
- Berdisiplin dan berhemah tinggi.
- Yakin, tepat, adil dan konsisten dalam membuat sebarang keputusan.
- Sentiasa mengamalkan ciri-ciri kreatif, inovatif, bermotivasi, berdaya saing dan akauntabiliti.
- Menjalinkan semangat kerjasama, muhibah dan kasih sayang pada semua peringkat.
- Berbangga menjadi warga JUPEM dan sentiasa berusaha meninggikan martabat dan imej jabatan.
- Memberi perkhidmatan yang efisien dan berkualiti.
- Berusaha memastikan produk-produk jabatan adalah berkualiti dan memenuhi kehendak pelanggan.
- Sentiasa berwaspada dalam pengendalian maklumat tanpa membocori rahsia Negara kepada pihak yang tidak berhak menerimanya.


## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### Perjawatan


Mengikut Waran Perjawatan JUPEM Tahun 2013, JUPEM mempunyai jumlah perjawatan yang diluluskan sebanyak 5,045 jawatan berbanding perjawatan JUPEM tahun 2012 iaitu sebanyak 5,049 jawatan. Darpada jumlah tersebut, sebanyak 4,771 jawatan telah diisi mengikut kekosongan dan keutamaan meliputi kumpulan pengurusan tertinggi, kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan pelaksana.

KUMPULAN	GRED	LULUS	ISI	KOSONG
GRED UTAMA	(JUSA A, B, C & JUSA C (KUP))	6	6	0
	54	21	21	0
PENGURUSAN & PROFESIONAL	48-52	66	64	2
	41-44	197	190	7
PELAKSANA	17-38	2,344	2,213	131
	1-16	2,411	2,277	134
<b>JUMLAH</b>		<b>5,045</b>	<b>4,771</b>	<b>274</b>

Pecahan Pengisian Jawatan Mengikut Perjawatan Bagi Tahun 2013



Pecahan Pengisian Jawatan Mengikut Perjawatan Bagi Tahun 2013




### Perjawatan Kader

JUPEM juga mempunyai sebanyak 176 perjawatan kader di pelbagai agensi kerajaan yang lain seperti di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Kementerian Pertahanan, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sarawak, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Agensi Remote Sensing Malaysia.

Jumlah keseluruhan jawatan kader JUPEM di agensi kerajaan adalah seperti berikut:

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	LULUS	ISI	KOSONG
1	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE)	1	1	0
2	Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)	35	33	2
3	Jabatan Kerja Raya (JKR)	22	22	0
4	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	29	26	3
5	Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT)	16	16	0
6	Majlis Keselamatan Negara (MKN)	2	2	0
7	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	1	1	0
8	Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)	38	37	1
9	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)	5	4	1
10	Jabatan Laut Semenanjung Malaysia (JLSM)	2	2	0
11	Jabatan Laut Sarawak	11	8	3
12	Jabatan Penerbangan Awam (DCA)	1	1	0
13	Agensi Remote Sensing	10	7	3
14	Kementerian Pertahanan	3	2	1
<b>JUMLAH</b>		<b>176</b>	<b>162</b>	<b>14</b>


Pecahan Pengisian Jawatan Kader Bagi Tahun 2013



Pecahan perjawatan kader mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Lulus	Isi	Kosong
Pengurusan & Profesional	60	55	5
Pelaksana	116	107	9
<b>JUMLAH</b>	<b>176</b>	<b>162</b>	<b>14</b>

Pecahan Perjawatan Kader Mengikut Kumpulan Perjawatan



Pecahan terperinci perjawatan Kader mengikut kumpulan adalah seperti berikut:

BIL.	JAWATAN (PENGURUSAN & PROFESSIONAL)	GRED	LULUS	ISI	KOSONG
1	Juruukur	J52	4	3	1
2	Juruukur	J48	9	9	0
3	Juruukur	J44	13	13	0
4	Juruukur	J41	33	29	4
5	Jurugeospatial	J41	1	1	0
<b>JUMLAH</b>			<b>60</b>	<b>55</b>	<b>5</b>

BIL.	JAWATAN (PELAKSANA)	GRED	LULUS	ISI	KOSONG
1	Penolong Juruukur	J38	2	1	1
2	Penolong Juruukur	J36	7	7	0
3	Penolong Juruukur	J29/J36 (KUP)	34	30	4
4	Juruteknik Ukur	J26	3	1	2
5	Juruteknik Ukur	J22	15	14	1
6	Juruteknik Ukur	J17/J22 (KUP)	55	54	1
<b>JUMLAH</b>			<b>116</b>	<b>107</b>	<b>9</b>

### Kenaikan Pangkat

Urusan pemangkuan / kenaikan pangkat telah dilakukan sepanjang tahun 2013. Ini melibatkan 81 orang pegawai yang terdiri daripada 29 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 52 orang pegawai Kumpulan Pelaksana.

### Lembaga Kenaikan Pangkat : Kumpulan Pengurusan & Profesional

SKIM PERKHIDMATAN	KENAIKAN PANGKAT/ PEMANGKUAN KE GRED	KENAIKAN PANGKAT	PEMANGKUAN	JUMLAH
Juruukur Gred J52	J54	1	0	1
Juruukur Gred J48	J52	0	1	1
Juruukur Gred J44	J48	11	1	12
Juruukur Gred J41	J44	12	3	15
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>	<b>5</b>	<b>29</b>

### Lembaga Kenaikan Pangkat: Kumpulan Pelaksana

SKIM PERKHIDMATAN	KENAIKAN PANGKAT/ PEMANGKUAN KE GRED	KENAIKAN PANGKAT	PEMANGKUAN	JUMLAH
Penolong Juruukur, J36	J38	1	0	1
Penolong Juruukur, J29	J36	3	0	3
Penolong Juruukur, J29 (KUP)	J36	5	0	5
Juruteknik Ukur, J22	J26	3	0	3
Juruteknik Ukur, J17	J22	19	0	19
Pembantu Am Pejabat, N1 (KUP)	N4	13	0	13
Pemandu Kenderaan, R3 (KUP)	R6	2	0	2
Pekerja Am, R1	R4	6	0	6
<b>JUMLAH</b>		<b>52</b>		<b>52</b>

### Persaraan

Sepanjang tahun 2013 seramai 117 pegawai dan kakitangan daripada pelbagai gred telah bersara yang meliputi bersara paksa, bersara pilihan, bersara atas sebab kesihatan dan meninggal dunia dalam perkhidmatan. Data keseluruhan persaraan adalah seperti berikut:

### Bersara Paksa

BIL	GRED JAWATAN	JUMLAH
1	J36	1
2	J26	1
3	J22	5
4	J17	2
5	N32	1
6	N28	1
7	N22	2
8	N17	2
9	R4	29
10	KP11	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>45</b>

## Bersara Pilihan

BIL	GRED JAWATAN	JUMLAH
1	J52	2
2	J48	1
3	J38	1
4	J36	2
5	J22	13
6	W22	1
7	N22	4
8	N17	6
9	J17	1
10	N1	2
11	R1	26
12	A17	1
<b>JUMLAH</b>		<b>60</b>

## Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan

BIL	NAMA	GRED JAWATAN	NEGERI / SEKSYEN
1	Nor Hamiza binti Zahid Shaghia	N1	JUPEM Pahang
2	Ris Kaharudin bin Mohamed	R1	JUPEM Kedah
3	Halimariana binti Halim	J17	Seksyen Pangkalan Data
4	Mohamad Nor bin Ahmad	N4	JUPEM WPKL/ Putrajaya
5	Fadzil bin Md Sharif	R4 (KUP)	JUPEM Kedah
6	Mohd Supiya bin Ali	R1	JUPEM Terengganu
7	Biden bin Abdul Rahim	J29	JUPEM Johor
8	Kamaruddin bin Hamzah	J22 (KUP)	JUPEM Terengganu
9	Nasaruddin bin Sain @ Saim	J29	Seksyen Geodesi
10	Anuar bin Mohamad	J22	Seksyen Topografi Semenanjung
11	Ahmad Munsif bin Abdul Aziz	R1	Seksyen Topografi Semenanjung
12	Mohd Affendi Bin Hashim	J29	JUPEM Perak

## Tindakan Tatatertib

Pengurusan Tindakan Tatatertib Jabatan merupakan satu tatacara pengendalian mengawal disiplin pegawai dan kakitangan JUPEM yang melibatkan hukuman-hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja. Jabatan sentiasa peka terhadap salah laku yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan dan mengambil tindakan yang sesuai berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Pada tahun 2013, sebanyak 18 kes tindakan tatatertib telah diambil tindakan, manakala 4 kes masih dalam tindakan Lembaga Tatatertib Kumpulan Pengurusan (No. 2) dan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No. 1 dan No. 2) yang merupakan kes-kes baru dan kes-kes yang dibicarakan di mahkamah.

Kesalahan dan status kes pada tahun 2013 adalah seperti berikut:

### Pengurusan Kes Tindakan Tatatertib

JENIS/BENTUK KESALAHAN	KES SELESAI		KES MASIH DALAM TINDAKAN	
	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana
Tidak Hadir Bertugas	-	18	-	4
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>18</b>	<b>-</b>	<b>4</b>


## KURSUS DAN LATIHAN

Latihan yang berterusan telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kakitangan JUPEM. Peluang seluas-luasnya telah diberikan kepada setiap pegawai dan kakitangan untuk mengikuti latihan, baik di peringkat akademik mahupun latihan dalam perkhidmatan yang memfokuskan kepada peningkatan kemahiran bersesuaian dengan pemodenan jabatan dan perubahan persekitaran. Melalui kaedah ini, JUPEM dapat melahirkan tenaga pakar dan mahir dari kalangan kakitangan sendiri untuk mengendalikan dan menguruskan maklumat geospasial dan juga dalam bidang pengurusan yang lain.

Bilangan Hari Kursus/ Latihan Yang Dihadiri Kakitangan Bagi Tahun 2013

BIL	BIDANG KURSUS	KEHADIRAN (BILANGAN HARI)				JUMLAH
		JUSA	P&P	PELAKSANA I	PELAKSANA II	
1.	Kursus Wajib (Induksi Umum & Khusus)	0	6	20	0	26
2.	Kursus Kenegaraan	0	0	0	0	0
3.	Pengurusan Ukur dan Pemetaan	19	526	2189	782	3516
4.	Pengurusan Sumber Manusia	13	750	5549	6616	12928
5.	Pengurusan Kewangan	6	63	607	330	1006
6.	Kualiti dan Produktiviti	0	106	1092	995	2193
7.	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	2	68	422	218	710
8.	Pembangunan Kendiri	6	197	3073	3121	6397
9.	Bahasa dan Komunikasi	0	0	3	0	3
<b>JUMLAH</b>		<b>46</b>	<b>1716</b>	<b>12955</b>	<b>12062</b>	<b>26779</b>


Pecahan Bilangan Hari Kursus/ Latihan Yang Dihadiri Kakitangan Bagi Tahun 2013



Bilangan Pegawai - Pegawai JUPEM Yang Menghadiri 7 Hari Berkursus

BIL.	GRED/ KUMPULAN	BILANGAN PERJAWATAN	BILANGAN PENGISIAN	KURSUS PENDEK			BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PANJANG > 3 BULAN
				BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR > 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG HADIR < 7 HARI SETAHUN	BILANGAN ANGGOTA YANG TIDAK BERKURSUS	
1	JUSA	6	6	6	0	0	0
2	Pengurusan & Profesional	284	275	265	1	0	9
3	Pelaksana I	2344	2213	2207	1	0	5
4	Pelaksana II	2411	2277	2275	2	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>5045</b>	<b>4771</b>	<b>4753</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>14</b>


Pecahan Peratusan Pegawai-Pegawai JUPEM Yang Menghadiri 7 hari Berkursus



Bilangan Kakitangan Yang Melanjutkan Pelajaran Bagi Tahun 2013

BIL	TAHAP AKADEMIK	SEDANG BERKURSUS		TAMAT BERKURSUS		JUMLAH
		Sepuluh Masa	Sepuluh Masa	Sepuluh Masa	Sepuluh Masa	
1	Kedoktoran	0	2	0	0	2
2	Sarjana	0	10	0	2	12
3	Sarjana Muda	47	1	0	0	48
4	Diploma	12	3	18	0	33
<b>JUMLAH</b>						<b>95</b>

Pecahan Kakitangan Yang Melanjutkan Pelajaran Dalam Tahun 2013



#### LAMAN WEB JUPEM GEOPORTAL

Laman web [www.jupem.gov.my](http://www.jupem.gov.my) yang dikenali sebagai JUPEM Geoportal, sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa merupakan medium penting yang menghubungkan JUPEM dengan pelanggan-pelanggannya. Ia merupakan satu langkah ke hadapan bagi memastikan urus tadbir korporat JUPEM lebih efisien dan sentiasa memenuhi kehendak pelanggan. Melalui portal, JUPEM dapat memenuhi hasrat Negara dan pelanggan dengan menyediakan pelbagai maklumat geospasial JUPEM secara berpusat bagi tujuan:

- Menyediakan sistem pengurusan dan penyebaran maklumat geospasial secara atas talian;
- Merealisasikan konsep e-Kerajaan dan transaksi penyebaran maklumat secara e-Dagang; dan
- Menyediakan kemudahan *back up* atas talian.



Blog Rasmi Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia



Laman Facebook Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia



### Laman Twitter Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia



### Bilangan Transaksi Perkhidmatan Atas Talian 2013

Produk	BILANGAN TRANSAKSI												JUMLAH
	Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	
Kadaster	8	0	2	0	0	2	0	0	1	3	4	28	48
Pemetaan	5485	4126	4839	5273	5024	5231	5441	4531	4916	5571	4631	1199	56267
Geodetik	205	202	199	212	192	212	169	232	263	237	205	100	2428
<b>JUMLAH</b>	<b>5698</b>	<b>4328</b>	<b>5040</b>	<b>5485</b>	<b>5216</b>	<b>5445</b>	<b>5610</b>	<b>4763</b>	<b>5180</b>	<b>5811</b>	<b>4840</b>	<b>1327</b>	<b>58743</b>



## PENERIMA BINTANG KEBESARAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

### Kumpulan Gred Utama

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	SEKSYEN / NEGERI	ANUGERAH DITERIMA
1	Sr Ahmad Fauzi bin Nordin	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I (JUSA B)	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I	Darjah Setia Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu Yang Amat Terpilih (S.M.Z)
2	Sr Hasan bin Jamil	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II (JUSA C)	Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II	Johan Mahkota Wilayah (J.M.W)

### Kumpulan Pengurusan dan Profesional

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	SEKSYEN / NEGERI	ANUGERAH DITERIMA
1	Sr Hj. Hamdani bin Sadiman	Pengarah Ukur dan Pemetaan J54	JUPEM Negeri Sembilan	Kesatria Mangku Negara (K.M.N)
2	Sr Chan Keat Lim	Pengarah Ukur Seksyen J52	Bahagian Kadaster	Ahli Mangku Negara (A.M.N)
3	Sr Kamil bin Ariffin	Timbalan Pengarah Ukur J52	Seksyen Topografi Semenanjung	Ahli Mahkota Perlis (A.M.P)
4	Hanin bin Hashim	Jurugeospacial J44 (KUP)	Seksyen Percetakan Peta	Ahli Mangku Negara (A.M.N)

## Kumpulan Pelaksana

BIL.	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	SEKSYEN / NEGERI	ANUGERAH DITERIMA
1	Mohamad Yusof bin Abu Aman	Penolong Juruukur, J38	Seksyen Topografi Sabah	Bintang Setia Kinabalu (B.S.K)
2	Ahmad Sabri bin Shaari	Penolong Juruukur, J36	JUPEM Kedah	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K)
3	Azahar bin Ahmad	Penolong Juruukur, J36	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
4	En Mohd Nazir bin Ahmad	Juruteknik Ukur, J22	JUPEM Perlis	Pingat Jasa Baik (P.J.B)
5	Baba bin Che Ros	Juruteknik Ukur, J22	JUPEM Perlis	Pingat Jasa Baik (P.J.B)
6	Siti Norain bin Sinusi	Juruteknik Ukur, J22	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
7	Haji Awang bin Che Amat	Juruteknik Ukur, J22	Seksyen Percetakan Peta	Bentara Setia Diraja (B.S.D)
8	Mohamed Ghani bin Mohd Ibrahim	Juruteknik Ukur, J22	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
9	Leang Yoot Ooi	Juruteknik Ukur, J22	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
10	Mathavi a/p Tannimalai	Pembantu Tadbir, N17	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
11	Johari bin Mat	Pembantu Tadbir, N17	JUPEM Selangor	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
12	Abdul Latif bin Yen	Pekerja Awam, R4	JUPEM Selangor	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (P.P.C)
13	Osman bin Kamaruddin	Pekerja Awam, R4	JUPEM Selangor	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Selangor (P.P.C)
14	Mohamed Zuber bin Rose	Pekerja Awam, R1	JUPEM Pulau Pinang	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)



# PRESTASI 2013





0101010101010101110

0101010101010101110

0101010101010101110

0101010101010101110 0101 01 010 1001 1001

0101010101010101110

0101010101010101110 10101010 10 10 101010101

11010101110 10101010 10 10 1010101  
11010101110 10101010 10 10 1010101

11010101110 10101010 10 10 1010101

11010101110 10101010 10 10 1010101

11010101110 10101010 10 10 1010101  
11010101110 10101010 10 10 1010101



## INFRASTRUKTUR GEODETIK

### Ukuran Jaringan dan Kawalan GNSS

Kaedah pengukuran menggunakan Sistem Navigasi Satelit Global atau GNSS (*Global Navigation Satellite System*) adalah kaedah yang efisien, efektif dan terkini untuk mendapatkan kedudukan sesuatu titik di permukaan bumi.

Kaedah yang menggunakan rujukan silang pada satelit ini telah mula digunakan di JUPEM sejak awal 1990-an lagi.

Dengan perkembangan teknologi dan pemodenan sistem GNSS, prestasi dan kualiti kerja pengukuran dapat dipertingkatkan bagi memberi kemudahan kepada pengguna.




Bagi tahun 2013, kerja-kerja pengukuran GNSS melibatkan perancangan cerapan ke atas 800 stesen yang mana turut melibatkan ukuran bagi menambahbaik jaringan *Cadastral Reference Mark (CRM)* untuk ukuran kadaster.

Pencapaian aktiviti pengukuran yang melibatkan GNSS sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak 918 stesen (115%) berbanding 800 stesen yang ditetapkan dan pecahan aktiviti adalah seperti berikut :

Bil	Aktiviti	Stesen
1	Cerapan GNSS bagi penubuhan Jaringan Ukur Kawalan Bersama Malaysia-Brunei Darussalam	54
2	Cerapan GNSS untuk <i>GPS Levelling</i>	106
3	Cerapan GNSS bagi projek <i>Height Modernization System (HMS)</i>	441
4	Cerapan GNSS untuk <i>Cadastral Reference Mark (CRM)</i>	308
5	Cerapan <i>Marine Geodetic Infrastructure In Malaysia Water (Magic)</i>	9
<b>Jumlah</b>		<b>918</b>

Prestasi pencapaian untuk tempoh lima (5) tahun bagi aktiviti jaringan pengukuran yang melibatkan GNSS adalah seperti berikut :

Tahun	Stesen
2009	529
2010	804
2011	809
2012	818
2013	918



## MyRTKnet

Lanjutan dari perkembangan teknologi GNSS, sistem MyRTKnet (*Malaysian Real Time Kinematic Network*) telah dibangunkan sejak 2003.

Kaedah pengukuran menggunakan *Real Time Kinematic* merupakan inovasi terkini dalam penentuan kedudukan relatif sesuatu titik.

Dengan jumlah stesen sebanyak 78 buah iaitu 50 stesen di Semenanjung dan masing-masing 14 stesen di Sabah dan Sarawak, sistem ini mampu memberikan hasil kerja pengukuran yang tepat dan jitu.

Pencapaian aktiviti MyRTKnet sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian
1.	Pengoperasian dan Penyelenggaraan Stesen MyRTKnet	100 kali	100 kali (100%)
2.	Pengurusan Data GPS Stesen MyRTKnet	628,617 jam data	628,617 jam data (100%)
3.	Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Harian	26, 192 set data	26, 192 set data (100%)
4.	Pemprosesan Data GPS Stesen MyRTKnet Mingguan & Tahunan	3, 732 set data	3, 732 set data (100%)



Perisian Pemprosesan Data GNSS Stesen MyRTKnet

## Cerapan Air Pasang Surut

Pengoperasian 21 buah stesen tolok air pasang surut (STAPS) yang terdiri daripada 12 buah stesen di Semenanjung: (1) Jeti Telok Ewa Pulau Langkawi, Kedah, (2) Penang Yacht Club George Town, Pulau Pinang, (3) Pangkalan TLDM Lumut, Perak, (4) Dermaga 25 Pelabuhan Utara Pelabuhan Kelang, Selangor, (5) Jeti Tanjung Bruas Tanjung Keling, Melaka, (6) Jeti Kukup, Johor, (7) Jeti Kastam Johor Bahru, Johor, (8) Kompleks LKIM Tanjung Sedili, Johor, (9) Jeti Berjaya Beach Resort Pulau Tioman, Pahang, (10) Pelabuhan Kuantan Tanjung Gelang, Pahang, (11) Kompleks LKIM Cendering, Terengganu dan (12) Kompleks LKIM Geting, Kelantan, manakala 6 buah stesen terletak di Sabah: (1) Pelabuhan Kota Kinabalu, (2) Kudat, (3) Pelabuhan Sandakan, (4) Lahad Datu, (5) Pelabuhan Tawau dan (6) Pulau Labuan dan 3 buah stesen lagi terletak di Sarawak: (1) Sejingkat, Kuching, (2) Pelabuhan Bintulu, Bintulu dan (3) Marina Park Miri, untuk mendapatkan bacaan nilai aras purata laut yang akan digunakan sebagai datum tegak yang jitu dan seterusnya akan digunakan sebagai rujukan asas kerja-kerja pengukuran aras.



Pencapaian aktiviti cerapan air pasang surut sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Lokasi	Jumlah Stesen	SKT 2013	Pencapaian
Semenanjung	12	144 set	144 set (100%)
Sabah	6	72 set	72 set (100%)
Sarawak	3	36 set	36 set (100%)

Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut dan Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut diterbitkan daripada data-data cerapan yang telah diproses. Buku-buku yang diterbitkan ini merangkumi data-data cerapan bagi keseluruhan 21 buah STAPS di seluruh negara.

Sehingga 31 Disember 2013, penerbitan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut untuk tahun 2012 bagi 21 stesen STAPS di seluruh Malaysia telah disiapkan sepenuhnya. Manakala Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut bagi tahun 2015 juga telah disiapkan untuk keseluruhan 21 stesen STAPS.

Pencapaian	Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut	Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut
SKT 2012	1 buku	1 buku
Pencapaian 2012	1 buku (100%)	1 buku (100%)
SKT 2013	1 buku	1 buku
Pencapaian 2013	1 buku (100%)	1 buku (100%)

## Jaringan Ukur Aras

Pengukuran aras dijalankan bagi mendapatkan nilai ketinggian sesuatu titik di atas permukaan bumi. JUPEM telah menjalankan dua jenis ukuran aras iaitu Ukuran Aras Jitu dan Ukuran Aras Kelas Kedua. Pengukuran dan pemprosesan data ukuran aras ini meliputi kerja-kerja yang dijalankan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Laluan-laluan yang telah dibuat pemprosesan data ukur aras jitu bagi tahun 2013 di Semenanjung adalah laluan Mersing ke Tg. Penawar (Desaru) melalui Jemaluang hingga Tenggara Bandar Mas, laluan Pekan ke Nenasi, laluan Nenasi ke Leban Chondong, laluan Leban Chondong ke Padang Endau, laluan Kuala Kangsar ke Gerik, laluan Bahau ke Gemas, laluan Pengkalan Hulu ke Gerik, laluan Kuala Kangsar melalui Manong, Tg. Belanja, Bota Kiri, Seberang Perak, Simpang Sitiawan hingga ke Teluk Intan dan laluan Chemor melalui Tanjung Rambutan dan Tambun sehingga Ipoh. Di Sarawak pula adalah laluan simpang Sibul/Pangkalan Feri ke simpang Tanjung Manis Pangkalan Feri Sg. Nai dan simpang Selangau/Sibu/Bintulu ke simpang Mukah/Balingian. Manakala, di Sabah merangkumi laluan Ranau ke simpang Tambunan/Kota Kinabalu sehingga Penampang.



Pencapaian kerja-kerja ukuran aras sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :


Aktiviti	Pencapaian
Ukuran Aras Jitu	724 stesen
Ukuran Aras Kelas Kedua	0 stesen
Pemprosesan Data Ukuran Aras Jitu	749 stesen
Pemprosesan Data Ukuran Aras Kelas Kedua	104 stesen

Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu sehingga 31 Disember 2013 :

Ukuran Aras Jitu		Pemprosesan Data Aras Jitu	
SKT 2013	Pencapaian 2013	SKT 2013	Pencapaian 2013
482 stesen	724 stesen (150 %)	600 stesen	749 stesen (124 %)

Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras jitu bagi tempoh lima (5) tahun terakhir adalah seperti berikut:

Tahun	Ukuran Aras Jitu (stesen)	Pemprosesan Data Aras Jitu (stesen)
2013	724	749
2012	1,125	478
2011	721	485
2010	592	221
2009	1,134	1,407



Pencapaian SKT aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua sehingga 31 Disember 2013 dijadualkan seperti berikut :

Ukuran Aras Kelas Kedua		Pemprosesan Aras Kelas Kedua	
SKT 2013	Pencapaian 2013	SKT 2013	Pencapaian 2013
0 stesen	0 stesen (145%)	100 stesen	104 stesen (104%)

Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua bagi tempoh lima tahun terakhir :

Tahun	Ukuran Aras Kelas Kedua (stesen)	Pemprosesan Data Aras Kelas Kedua (stesen)
2013	0	104
2012	145	143
2011	205	183
2010	1,205	201
2009	890	1,369

Nota: Ukuran Aras Kelas Kedua tidak dijalankan bagi tahun 2013 kerana memberi penumpuan kepada Aktiviti Pemetaan Peta Topografi dan Peta Tematik.

Pencapaian aktiviti kerja-kerja ukuran aras kelas kedua bagi tempoh lima (5) tahun terakhir :



## Ukuran Graviti

Pengukuran graviti di Malaysia telah dijalankan sejak tahun 1970-an. Di Malaysia, JUPEM telah memainkan peranan utama dalam menjalankan pengukuran graviti bagi tujuan mendapatkan pembetulan ketinggian ortometrik. Ketinggian ortometrik ini akan digunakan sebagai rujukan bagi kerja-kerja pemetaan, kejuruteraan, penyelidikan saintifik dan sebagainya.




Bagi tahun 2013, perancangan telah dibuat untuk menyiapkan 800 stesen bagi cerapan Graviti Tertib Ketiga di Negeri Perak dan Pahang Darul Makmur.

Pencapaian tahunan pengukuran graviti sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
800 stesen	845 stesen (106%)	800 stesen	802 stesen (100%)

### Sistem iFOS



Sistem 'Interactive Field-Office Management System For Geodetic Measurement' (iFOS) telah dibangunkan khas untuk membantu proses perancangan, pelaksanaan dan pemerhatian kerja-kerja ukur geodetik. Sistem ini berupaya melaksanakan proses kompilasi, kerjalar topografi dan suntingan untuk pengemaskinian data geodetik di antara Seksyen Geodesi dan Seksyen Topografi Semenanjung yang terbahagi mengikut Wilayah iaitu Kuala Lumpur bagi Wilayah Barat, Segamat bagi Wilayah Selatan, Taiping bagi Wilayah Utara dan di Kuantan untuk Wilayah Timur.

Sepanjang tahun 2013, sebanyak 48 kali aktiviti menyelenggara dan ujian sistem telah berjaya dijalankan seperti di jadual:

SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
48 kali	48 kali (100%)	48 kali	48 kali (100%)

## Makmal Kalibrasi Ukur Aras

Makmal kalibrasi ukur aras diwujudkan bagi membolehkan kalibrasi dibuat terhadap pelbagai jenis setaf aras berbarkod dan peralatan aras yang digunakan oleh JUPEM. Makmal ini terletak di bangunan Seksyen Percetakan Peta. Penyelenggaraan makmal ini dibuat secara berkala bagi memastikan kelengkapan, peralatan dan sistem di makmal berkenaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan terjamin serta beroperasi dengan lancar. Sepanjang tahun 2013, sebanyak 24 kali aktiviti kalibrasi ke atas setaf aras berjaya dilakukan dan ini merupakan kejayaan 100% pencapaian berdasarkan SKT yang ditetapkan.



## Astronomi

JUPEM merupakan sebuah agensi yang terlibat secara langsung dalam bidang astronomi khususnya dalam penyediaan data rukyah dan hilal. Dengan menganggotai Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Negeri-negeri, JUPEM telah memainkan peranannya dengan memberikan perkhidmatan kepada orang awam terutama dalam penyediaan kalendar Islam, penentuan arah kiblat, cerapan rukyah dan hilal bagi penentuan tarikh-tarikh penting di dalam kalendar Islam seperti penentuan awal Ramadhan dan Syawal.

Pencapaian aktiviti berkaitan astronomi sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian
1.	Pengiraan Astronomi Rukyah dan Hilal	29 stesen	29 stesen (100%)
2.	Cerapan Hilal di Balai Cerap Teluk Kemang bagi tujuan Kajian Semula Kriteria-kriteria Imkanur Rukyah	9 kali	9 kali (100%)
3.	Cerapan Kajian Cerahan Langit	6 kali	6 kali (100%)

Pada tahun 2013, penyediaan data dalam penentuan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah bagi tahun 1434 Hijrah telah dijalankan di 29 stesen cerapan hilal iaitu: (1) Kuala Sungai Baru Simpang Empat, Perlis, (2) Menara Telekom, Alor Setar, Kedah, (3) Pulau Sayak, Kuala Muda, Kedah, (4) Pemandangan Indah, Langkawi, Kedah, (5) Pantai Acheh, Pulau Pinang, (6) Pantai Pasir Panjang, Perak, (7) Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor, (8) Balai Cerap Selangor, Bandar Nakhoda Omar, Selangor, (9) Bukit Jugra, Selangor, (10) Menara Kuala Lumpur, (11) PICC Putrajaya, (12) Telok Kemang, Negeri Sembilan, (13) Tanjung Bidara, Melaka, (14) Pontian Kechil, Johor, (15) Bukit Tanjung Batu, Nenasi, Pekan, Pahang, (16) Bukit Pelindung, Kuantan, Pahang, (17) Gunung Berinchang, Cameron Highlands, Pahang, (18) Bukit Geliga, Kemaman, Terengganu, (19) Bukit Besar, Kuala Terengganu, Terengganu, (20) Merang, Setiu, Terengganu, (21) Pulau Perhentian, Besut, Terengganu, (22) Menara Bangunan SEDC, Kota Bharu, Kelantan, (23) Bukit Peraksi, Pasir Puteh, Kelantan, (24) Bukit Kampung Tembeling, Kuala Krai, Kelantan, (25) Tanjung Dumpil, Putatan, Sabah, (26) Menara Universiti Malaysia Sabah, Labuan, (27) Tanjung Lobang, Miri, Sarawak, (28) Tanjung Batu, Bintulu, Sarawak dan (29) Teluk Bandung, Kuching, Sarawak.


Lokasi Stesen Cerapan Hilal di Seluruh Malaysia



## PERSEMPADAN ANTARABANGSA

### Persempadanan Darat Malaysia - Thailand

Projek penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan antara Malaysia - Thailand yang berukuran sepanjang 551.5 km telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan telah siap pada 26 September 1985. Projek ini telah dilaksanakan secara bersama dengan *Royal Thai Survey Department (RTSD)*. Pada masa ini, aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan di bawah projek ini adalah Ukuran Pelbagai iaitu Ukuran Siasatan, Tanam Pastian dan kerja-kerja Penyelenggaraan Sempadan Bersama Antarabangsa Malaysia -Thailand.



Pencapaian aktiviti-aktiviti yang telah selesai dijalankan bagi Kawasan Keutamaan IXA (BP27-BP29) dan Kawasan Keutamaan IXB (BP29-BP33) sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Kawasan	SKT 2013 (KM)	Pencapaian (%)
Seksyen A- IXA (BP27-BP29)	5.0	5.0 km (100%)
Seksyen B- IXA (BP27-BP29)	4.7	4.7 km (100%)
Seksyen C- IXA (BP27-BP29)	4.8	4.8 km (100%)
Seksyen D- IXA (BP27-BP29)	4.3	4.3 km (100%)
Seksyen A- IXB (BP27-BP33)	6.0	6.0 km (100%)
Seksyen B- IXB (BP27-BP33)	4.8	4.8 km (100%)
<b>Jumlah</b>		<b>29.60 km</b>

### Persempadanan Darat Malaysia – Indonesia

Pada 22 - 24 November 2012 telah diadakan mesyuarat ke-37 Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia - Indonesia bagi membincangkan Projek Pengukuran Sempadan Antarabangsa Sarawak - Kalimantan Barat dan Sempadan Antarabangsa Sabah - Kalimantan Timur di Miri, Sarawak, Malaysia. Kedua-dua pihak telah bersetuju menjalankan kerja ukuran siasatan, kerja tanam pastian dan kerja-kerja penyelenggaraan (IRM) di kawasan keutamaan II (G-H) dari G524 - G594, Sarawak – Kalimantan Barat dengan jarak 14.7 km dan Sub Sektor A200 - A500, kawasan keutamaan I (A-B) Sabah – Kalimantan Timur sejauh 9.4 km yang berjaya diselesaikan pada penghujung Jun 2013.



Pencapaian aktiviti ukuran siasatan, tanam pastian dan kerja-kerja penyelenggaraan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

KAWASAN	SKT 2013	PENCAPAIAN 2013
Sarawak-Kalimantan Barat (KALBAR)	14.4 km	14.7 km (102%)
Sabah-Kalimantan Timur (KALTIM)	9.4 km	9.4 km (100%)

### Persempadanan Maritim Malaysia – Indonesia

Mesyuarat Penentuan Persempadanan Maritim antara Malaysia dan Indonesia telah dilaksanakan mengikut perancangan, yang mana JUPEM merupakan ahli kepada Jawatankuasa Teknikal bagi Pembatasan Sempadan Maritim Malaysia-Indonesia yang telah diwujudkan pada Mac 2005 dan diketuai oleh Kementerian Luar Negeri.

Di samping itu, satu Kumpulan Kerja Teknikal yang diketuai oleh Pengarah Ukur Seksyen (Ehwal Persempadanan) telah ditubuhkan di bawah jawatankuasa tersebut bagi membincangkan isu-isu teknikal berkaitan perbatasan sempadan maritim antara Malaysia dan Indonesia. Mesyuarat-mesyuarat berkaitan persempadanan antara Malaysia dan Indonesia yang telah diadakan dan dihadiri oleh jabatan dalam tahun 2013 seperti berikut:



BIL	PERBINCANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Persediaan bagi <i>25<sup>th</sup> Technical Meeting On Maritime Boundaries Delimitation Between Malaysia And The Republic Indonesia</i> di Wisma Putra, Putrajaya.	26 Ogos 2013
2.	Mesyuarat Ke-25 Jawatankuasa Teknikal Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Manado, Indonesia.	10-12 September 2013
3.	Mesyuarat Persediaan bagi <i>26<sup>th</sup> Technical Meeting On Maritime Boundaries Delimitation Between Malaysia And The Republic of Indonesia</i> di Wisma Putra, Putrajaya.	10 Oktober 2013
4.	Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Teknikal Mengenai Pembatasan Sempadan Maritim antara Malaysia dan Republik Indonesia di Johor Bahru, Johor.	18-20 Oktober 2013

### Persempadanan Maritim Malaysia – Singapura

Kerja-Kerja Ukuran Bersama antara Malaysia dan Singapura telah dijalankan sebagai persiapan awal terhadap kerja-kerja penentuan persempadanan maritim di sekitar Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Seksyen Ehwal Persempadanan JUPEM juga terlibat sebagai urus setia bersama dalam mesyuarat persempadanan. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak empat (4) Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mengenai Kerja-Kerja Ukuran Bersama Malaysia - Singapura di sekitar Pulau Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan telah diadakan dan adalah seperti berikut :



BIL	MESYUARAT / PERBINCANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat membincangkan Terma-terma Rujukan (TOR) bagi Jawatankuasa Kecil Persempadanan Maritim Batu Puteh dan Batuan Tengah di Wisma Putra, Putrajaya.	4 November 2013
2.	Mesyuarat Persediaan antara Agensi bagi menghadapi Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura di Wisma Putra, Putrajaya.	11 November 2013
3.	Perbincangan Khusus mengenai Persempadanan Maritim antara Batu Puteh dan Batuan Tengah di Wisma Putra, Putrajaya.	20 November 2013
4.	Mesyuarat Ke-7 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia-Singapura Mengenai Pembatasan Maritim di Singapura.	28-29 November 2013

#### Persempadanan Maritim Malaysia – Vietnam

JUPEM juga terlibat dengan perbincangan persempadanan maritim Malaysia-Vietnam. Berikut adalah mesyuarat yang membincangkan isu-isu berkaitan Malaysia dan Vietnam mengenai *Commercial Arrangement Area* bagi tahun 2013:

BIL	MESYUARAT / PERBINCANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Membincangkan Isu Berkaitan Malaysia - Vietnam <i>Commercial Arrangement Area</i> (PM3 CAA) di Ho Chi Minh City, Vietnam.	18 - 20 Mac 2013
2.	Taklimat Anjuran Talisman Malaysia Mengenai PM3 <i>Commercial Arrangement Area Production Sharing Contract</i> (PM3 CAA PSC) antara Malaysia dan Vietnam di Ampang, K.Lumpur.	8 April 2013
3.	Mesyuarat Antara Agensi bagi Membincangkan Isu-Isu Berkaitan Malaysia - Vietnam <i>Commercial Arrangement Area Production Sharing Contract</i> (PM3 CAA PSC) di Wisma Putra, Putrajaya.	16 April 2013
4.	Mesyuarat Ke-2 bagi Membincangkan Isu Berkaitan Malaysia - Vietnam <i>Commercial Arrangement Area</i> ( PM3CAA) di Genting Highland, Pahang.	7-8 Mei 2013
5.	Mesyuarat Ke-3 bagi Membincangkan Isu Berkaitan Malaysia - Vietnam <i>Commercial Arrangement Area</i> (PM3 CAA) di Hanoi, Vietnam.	10-11 Disember 2013

## Persempadanan Darat Malaysia – Brunei Darussalam

Dalam Mesyuarat ke-8 Jawatankuasa Teknikal Sempadan Darat Malaysia-Brunei yang diadakan di Johor Bahru, Johor pada 19 – 21 Mac 2013, perancangan kerja pengukuran telah dipinda dari sebahagian Sektor (E-F) ke sebahagian Sektor (A-B) dengan jarak 13 km. Sehingga 31 Disember 2013, penandaan dan pengukuran bagi sebahagian daripada Sektor (A-B) dengan jarak 13 km tidak dapat dijalankan kerana tanda-tanda lama (IP1 - IP19) belum dapat dibuktikan kedudukannya. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat ke-9 Jawatankuasa Teknikal Sempadan Darat yang diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 9 – 11 September 2013 memutuskan supaya pembuktian tanda lama diteruskan sehingga ke Bukit Teraja sebelum tindakan seterusnya dibuat. Kerja-kerja awalan dan persediaan sebelum memulakan penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia-Brunei Darussalam telah dilakukan bersama pihak Brunei dengan kerjasama Seksyen Geodesi, JUPEM.

Bagi tahun 2013, Mesyuarat dan Aktiviti Persempadanan Antarabangsa Darat antara Malaysia dan Brunei Darussalam yang melibatkan Seksyen Ehwat Persempadanan JUPEM adalah seperti berikut:

BIL	MESYUARAT / PERBINCANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Ke-8 Jawatankuasa Teknikal Bersama Persempadanan Darat antara Malaysia dan Brunei Darussalam di Johor Bahru, Johor.	19-21 Mac 2013
2.	Mesyuarat Ke-9 Jawatankuasa Teknikal Bersama Persempadanan Darat antara Brunei Darussalam dan Malaysia di Brunei Darussalam.	9-11 September 2013
3.	Mesyuarat Pengarah-Pengarah Projek Bersama Sempadan Darat Antarabangsa Malaysia -Brunei Darussalam di Kota Kinabalu, Sabah.	1-3 Oktober 2013
4.	Mesyuarat Dua Hala Ke-13 Berhubung Pelaksanaan EoL Antara Brunei Darussalam dan Malaysia di Brunei.	6-7 Disember 2013
5.	Majlis Perasmian Jambatan Persahabatan Brunei Darussalam-Malaysia (Sg. Pandaruan)	8 Disember 2013

## PERSEMPADANAN NEGERI

### Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama antara Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia

Pencapaian aktiviti penandaan dan pengukuran sempadan bersama antara negeri Terengganu dan Kelantan serta negeri Kedah dan Perlis sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

SEMPADAN TERENGGANU-KELANTAN	SKT 2013	PENCAPAIAN 2013
Kawasan Keutamaan II; Stesen Trig. Bukit Yong – Stesen Trig. Gunung Kambing.	50 km	19.8 km (40%)
Kawasan Keutamaan III; Stesen Trig. Gunung Kambing – Stesen Trig. Gunung Kachang.		59.8 km (120%)

SEMPADAN KEDAH-PERLIS	SKT 2013	PENCAPAIAN 2013
Daripada Kuala Sungai Sanglang ke Kampung Kerbau Laga.	5.6 km*	-

Nota: \* Dalam proses semakan deraf *Memorandum of Understanding (MoU)* oleh kedua-dua negeri berkenaan.



Berikut merupakan senarai mesyuarat sepanjang tahun 2013 yang berkaitan dengan sempadan antara negeri-negeri yang dihadiri oleh jabatan:

BIL	PERBINCANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di antara Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia Bil. 1/2013 di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya	10 Januari 2013
2.	Mesyuarat Bagi Membincangkan Pemuktamadan Memorandum Persefahaman (MoU) Serta Cadangan Mengadakan Majlis Menandatangani (MoU) Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Kedah dan Negeri Perlis di Wisma Sumber Asli, NRE, Putrajaya	28 Mei 2013
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi Penandaan dan Pengukuran Sempadan Wilayah Persekutuan K.Lumpur dan Putrajaya dengan Negeri Selangor di PTG WPKL, K.Lumpur	5 Jun 2013
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal (JBT) Penandaan dan Pengukuran Sempadan Negeri Melaka dan Johor di Muar, Johor	5-6 Jun 2013
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia, Bil.2/2013 di Wisma JUPEM, K.Lumpur	9 Julai 2013
6.	Mesyuarat Persediaan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri-negeri (JKPPSBN) Bil.1/2013 di Wisma Sumber Asli, NRE, Putrajaya	5 September 2013

7.	Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Antara Negeri Selangor dan Negeri Perak di PTG Selangor, Shah Alam	9 September 2013
8.	Mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Negeri-negeri (JKPPSBN) Bil.1/2013 di Wisma Sumber Asli, NRE, Putrajaya	12 September 2013
9.	Mesyuarat Penyelarasan Isu Teknikal dan Analisa Penggunaan Sistem Koordinat Sempadan Bersama Antara Negeri Melaka dan Johor di Wisma JUPEM, K.Lumpur	12-13 September 2013
10.	Mesyuarat Persediaan bagi Majlis Menandatangani Perjanjian Sempadan dan MoU Penandaan dan Pengukuran Sempadan bagi Negeri Sembilan - Pahang & Negeri Sembilan – Melaka di Wisma Sumber Asli, NRE, Putrajaya	2 Oktober 2013
11.	Mesyuarat Penyelarasan Isu Teknikal Persempadanan Negeri Johor-Melaka dan Penyelarasan Data NDCDB di Sempadan Johor-Melaka di Wisma JUPEM, K.Lumpur	16 Oktober 2013

#### SAKSI PAKAR KES-KES DI MAHKAMAH

Pegawai-pegawai JUPEM telah dipanggil sebagai saksi pakar dalam perbicaraan kes-kes tangkapan nelayan dan kapal asing yang menceroboh perairan Malaysia. Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak sepuluh (10) kes perbicaraan telah dihadiri bagi membuat pengesahan kedudukan sesuatu lokasi pencerobohan perairan negara yang telah berjaya ditangkap oleh Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM). Perbicaraan yang telah dihadiri adalah seperti berikut:



BIL	PERBICARAAN	TARIKH
1.	Kes Mahkamah berkaitan Repot Polis No.002226/2011 di Mahkamah Majistret Kangar, Perlis	5 Mac 2013
2.	Kes Mahkamah berkaitan Kes No.SDK-83-1688/12-2012 di Mahkamah Sandakan, Sabah	26-27 Mac 2013
3.	Kes Mahkamah berkaitan Repot Polis No.CJB001849 di Mahkamah Seksyen Kota Tinggi, Johor	1-3 April 2013
4.	Kes Mahkamah berkaitan Kes No.SDK-83-1688/12-2012 di Mahkamah Sandakan, Sabah	10-11 Jun 2013

5.	Kes Mahkamah berkaitan Kes No.SDK-83-1688/12-2012 di Mahkamah Sandakan, Sabah	8-9 Julai 2013
6.	Kes Mahkamah berkaitan Repot Polis di Mahkamah Majistret Yan, Kedah	22 Julai 2013
7.	Kes Mahkamah berkaitan Kes No.SDK-83-1688/12-2012 di Mahkamah Sandakan, Sabah	25-26 Julai 2013
8.	Kes Mahkamah berkaitan Kes Sapina 801927 berkait Repot Polis GITA/006732/13 di Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak	26-30 Ogos 2013
9.	Kes Mahkamah berkaitan Kes Sapina 801930 berkait Repot Polis GITA/005996/13 di Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak	29-30 Ogos 2013
10.	Kes Mahkamah berkaitan Kes Sapina 801945 berkait Repot Polis GITA/006732/13 di Mahkamah Majistret Kuching, Sarawak	30 September 2013


## PENERBITAN PETA

Sebagai agensi yang terlibat secara langsung dengan penerbitan dan pengeluaran produk-produk pemetaan seperti peta topografi, fotografi udara dan sebagainya, beberapa aktiviti melibatkan pengukuran dan pemrosesan data dilakukan sebelum sesuatu peta dihasilkan. Aktiviti-aktiviti ini melibatkan kerja-kerja pengutipan data di padang dan pemrosesan data ukuran.

### Penawanan Data

Aktiviti-aktiviti penawaran data melibatkan kerja-kerja seperti fotografi udara dan penyediaan cetak lekap, pemilihan titik kawal, penyediaan dataset penyudahan padang dan penyediaan peta ortofoto.

Peta pulau-pulau yang telah disiapkan adalah Pulau Bohayan (merangkumi Pulau Tagabua, Pulau Tanah, Pulau Malundang, dan Pulau Manjinkil), Pulau Tabawan dan Pulau Silumpat, Pulau Tagabua, Pulau Selakan, Pulau Gatahan dan Pulau Bait.



Selain daripada itu, aktiviti penawaran data juga melibatkan kerja-kerja penyediaan data ortorektifikasi imej satelit dan penyediaan data bagi pihak Angkatan Tentera Malaysia, pengguna awam dan lain-lain jabatan serta agensi swasta.

Pencapaian aktiviti penawanan data sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT2012 (Lembar)	Pencapaian 2012 (Lembar)	SKT 2013 (Lembar)	Pencapaian 2013 (Lembar)
Fotografi Udara, Perolehan Imej Satelit dan Data InSAR	63	117 (186%)	145	148 (102%)
Pemilihan Titik Kawal	51	59 (116%)	114	156 (137%)
Penyediaan Dataset Penyudahan Padang	112	136 (121%)	174	180(103%)
Penyediaan Peta Ortofoto	99	99 (100%)	100	124 (124%)
Penyediaan Data DTM	-	-	85	85 (100%)
Penyediaan Data Ortorektifikasi Imej Satelit	37	79 (214%)	180	180 (100%)
Penyediaan Data Bagi Pihak Angkatan Tentera Malaysia, Pengguna Awam dan Lain-lain Jabatan / Agensi	70	144 (206%)	70	100 (143%)
Penyediaan Peta Pulau-Pulau	5	5 (100%)	5	6 (120%)

#### Ukuran Titik Kawal

Ukuran titik kawal dijalankan untuk mendapatkan maklumat koordinat planimetri dan ketinggian titik kawal yang akan digunakan sebagai kawalan model pada alat pemplot stereo.

Nilai titik kawal penting dalam kerja-kerja pengukuran fotogrametri di mana pelarasan penyegitigaan udara dapat dilakukan dengan menggunakan maklumat tersebut.



Pencapaian aktiviti ukuran titik kawal sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Siri Peta	SKT 2013 (Lembar)	Pencapaian 2013 (Lembar)
MY502A (SEM)	6	6 (100%)
MY512A (SWK)	2	2 (100%)
MY701T (SEM)	9	19 (211%)
MY711T (SWK)	2	9 (450%)
MY711T (SBH)	20	37 (185%)
<b>JUMLAH</b>	<b>39</b>	<b>73</b>

## Pangkalan Data



Seiring dengan keperluan pemetaan dan Sistem Maklumat Geografi, JUPEM telah mewujudkan dua jenis pangkalan data iaitu pangkalan data topografi dan pangkalan data kartografi. Pangkalan data topografi adalah berskala 1:5,000, 1:10,000 dan 1:25,000 dan dihasilkan melalui kaedah fotogrametri dan kerja ukur di lapangan. Pangkalan data topografi akan digunakan semula dalam proses ulangan peta atau *map revision* dan merupakan sumber data digital terkini yang boleh diperolehi di JUPEM. Manakala pangkalan data kartografi pula dijana daripada pangkalan data topografi dan diterbitkan sebagai peta

bercetak pada skala 1:10,000 dan 1:50,000.

Dalam proses penghasilan pangkalan data topografi dan kartografi, suntingan perlu dijalankan ke atas dataset topografi dengan menggunakan perisian *Gothic Lamps2* sebelum dibuat proses validasi dan *seamless* dengan perisian *Radius Studio*. Seterusnya dataset berskala 1:25,000 akan melalui proses generalisasi kepada skala 1:50,000 dengan menggunakan perisian *Radius Clarity*. Seterusnya hasil proses generalisasi iaitu dataset kartografi akan disusun dalam bentuk peta dan bersedia untuk penyediaan pruf cetak.

Data Topografi yang dihasilkan adalah mengikut Malaysian Standard MS1759 – *Feature and Attribute Codes* yang mana JUPEM adalah merupakan *custodian* bagi kategori *Built-Environment*, *Demarcation*, *Hypsography* dan *Utility* selain juga menjadi agensi tunjak bagi kategori *Aeronautical*, *Geology*, *Hydrography*, *Transportation*, *Vegetation* dan *General*.

Pencapaian aktiviti pembangunan pangkalan data sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT 2012 (Lembar)	Pencapaian 2012 (Lembar)	SKT 2013 (Lembar)	Pencapaian 2013 (Lembar)
Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:50,000	180	165 (92%)	165	166 (100%)
Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:25,000	320	299 (93%)	320	324 (101%)
Penyediaan Pangkalan Data Skala 1:5,000 & 1:10,000	120	69 (58%)	100	100 (100%)
Penyediaan Data Seamless Siri MY701T, MY711T dan L808	-	-	68	68 (100%)
Penyediaan Data Seamless Siri MY601T	127	189 (149%)	200	273 (137%)

## Pengemaskinian Peta Topografi



Aktiviti ini dijalankan bertujuan mengemaskini maklumat topografi pada lembaran peta melalui kerja ukuran penyudahan padang. Kerja-kerja mengemaskini melibatkan pelbagai siri peta iaitu MY501T, MY701T, L808, MY511T dan MY711T.

Pencapaian aktiviti Ukuran Penyudahan Padang sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Siri Peta	SKT 2012 (Lembar)	Pencapaian 2012(Lembar)	SKT 2013 (Lembar)	Pencapaian 2013 (Lembar)
L 808	15	11 (73%)	12	12 (100%)
MY501T	45	46 (102%)	-	-
MY602A	-	-	50	50 (100%)
MY511T (Sabah)	40	40 (100%)	-	-
MY512A (Sabah)	-	-	40	35 (87%)
MY512A (Sarawak)	73	73 (100%)	63	58 (92%)
MY511T (Sarawak)	73	73 (100%)	-	-
MY701T (Semenanjung)	32	35 (109 %)	48	53 (110%)
MY711T (Sabah)	22	22 (100%)	22	25 (113%)
MY711T (Sarawak)	15	15 (100%)	19	19 (100%)
Joint Border Mapping (Sarawak)	5	5 (100%)	-	5 (100%)
<b>JUMLAH</b>	<b>320</b>	<b>320</b>	<b>254</b>	<b>257</b>

### Kartografi

Aktiviti kartografi melibatkan kerja-kerja seperti reka bentuk dan penyediaan data cetak bagi Peta Topografi dan Peta Tematik. Selain daripada penerbitan peta bercetak, aktiviti kartografi melibatkan kerja-kerja reka bentuk dan menghasilkan peta berbentuk digital seperti Peta Elektronik (eMap) dan Webmap yang mana turut melibatkan penyediaan elemen-elemen multimedia seperti foto, video dan animasi.



Pencapaian aktiviti kartografi sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Aktiviti	SKT 2012 (Lembar)	Pencapaian 2012 (Lembar)	SKT 2013 (Lembar)	Pencapaian 2013 (Lembar)
Penyediaan Pruf Semak Peta Topografi Pelbagai Siri	350	400 (114%)	350	420 (120%)
Penyediaan Data Cetak Peta Topografi Pelbagai Siri	350	400 (114%)	350	355 (101%)
Penyediaan Pruf Semak Peta Tematik Pelbagai Siri	50	57 (114%)	22	26 (118%)
Penyediaan Data Cetak Peta Tematik Pelbagai Siri	50	52 (104%)	22	25 (114%)
Cetak Ulang	16	16 (100%)	16	21 (131%)
Penerbitan Peta Elektronik	25	29 (116%)	25	29 (116%)
Penerbitan Webmap	3	3 (100%)	3	3 (100%)

### Percetakan

Kerja-kerja percetakan di JUPEM melibatkan 3 aktiviti utama iaitu aktiviti pencetakan, pracetak dan pascacetak.

Selain daripada menerbitkan peta-peta bercetak, aktiviti percetakan juga melibatkan kerja-kerja reka bentuk, memproses dan mencetak pelbagai dokumen seperti Berita Ukur, Laporan Tahunan, Kompendium, watakah, dokumen keselamatan dan produk-produk bukan peta yang lain.



Peta-peta topografi yang telah dicetak sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

No Siri	Negeri	Nama Lembar
L7030 – Cetak Ulang	N.Sembilan	Rembau, Titi, Kuala Pilah
	Perak	Behrang, Batu Kurau, Belum, Selama
	Kedah	Pulau Langkawi, Nami, Sg. Petani
	Terengganu	Dungun, Cukai, Manir
	Johor	Kulai, Kg. Sungai Rengit, Kg. Gajah, Pontian Kechil
	Pahang	Raub, Kg. Balai Padang, Sg. Lembing
	Perlis	Kangar
	Kelantan	Kg. Lubuk Bongor
MY501A	Selangor	Hulu Langat
	Terengganu & Pahang	Sg. Jengai
	Pahang	Kg. Kuala Tahan, Kg. Bantal, Gunung Mandi Angin
	Selangor	Semenyih
	Perak	Kg. Bota Kanan
MY501T	Kedah	Yan Besar
	Terengganu & Pahang	Sg. Jengai
	Pahang	Kg. Kuala Tahan, Kg. Bantal, Gunung Mandi Angin
	Selangor	Semenyih
	Perak	Kg. Bota Kanan
MY502A	Kedah	Yan Besar
	Kedah	Sik, Gunung Palas, Kuala Nerang, Gunung Batu Putih, Bedong, Kulim, Nami, Pendang, Bukit Gajah Hutan
	Pahang	Kg. Sentang, Muadzam Shah, Kuala Lipis, Cegar Perah, Felda Keratong Enam, Sg. Tekai, Sg. Koyan 3, Kuala Rompin, Pos Lanai
	Johor	Labis
	Selangor	Simpang Ampat
N.Sembilan	Port Dickson	

	Terengganu	Seri Bandi, Kg. Menerung, Marang, Al-Muktafi Billah Shah, Pulau Tenggol, Kuala Berang, Pekan Sri Langkap, Bukit Besi
	Perak	Kg. Sg. Kerang, Teluk Intan, Kg. Sg. Banum, Kg. Jalong, Bersia, Sg. Kenarong, Bagan Datuk, Pekan Gurney, Lumut, Bandar Baru Kampung Gajah, Kg. Sungai Tiang
	Kelantan	Dabong, Kg. Raja, Tasik Pergau, Fort Hua, Kg. Bertam Baru, Kg. Kabong, Kg. Pasir Tumboh, Kg. Tunku Abd. Rahman, Gua Musang, Pos Gob, Gunong Badong
	P.Pinang	George Town
	Kelantan, Terengganu & Pahang	Gunung Gagau
	Perak & Kelantan	Kg. Jarau
	Pahang & Kelantan	Sg. Tahan, Merapoh
	Kelantan & Terengganu	Kesedar Chalil
	N.Sembilan & Melaka	Gemencheh
	Kedah & Kelantan	Fort Kemar
	Perak, Kedah & P.Pinang	Parit Buntar
	Perak & Kedah	Selama
	Kedah & Perlis	Arau
MY511A	Sarawak	Long Anap, Kg. Biawak, Nanga Entawau, Sundar
	Sabah	Kinarut
MY511T	Sarawak	Long Anap, Kg. Biawak, Nanga Entawau, Sundar
	Sabah	Kinarut
MY512A	Sarawak	Nanga Gaat, Balai Ringin, Sg. Puro, Kg. Muara Tuang, Kg. Kendaie, Jimbong, Bukit Raya, Bukit Long, Sg. Mengiong, Bukit Tasu, Bakun Township, Seberang Nibong, Long Banga, Punah Bah, Sg. Entuloh Baleh, Sg. Penjelai, Nanga Bangkit, Kg. Belawai, Nanga Mujong, Nanga Melinau, Dewa Layang, Kampung Sijjak, Sg. Melatai, Bekenu, Gunung Sengayoh, Sg. Serikin, Kg. Long Adang, Daro, Bukit Entemu, Batu Lintang, Sg. Tiyut, Kg. Kepayang, Nanga Entalau, Sg. Kajang, Bukit Batu Bora, Kg. Kuala Nyalau, Long Semutut, Mukah,

	Sarawak	Bukit Ulu Tutong, Likau, Bukit Dulit, Sekuau, Oya, Nanga Telawan, Sebuyau, Kg. Data Kakus, Kg. Hilir, Bukit Selidang, Kg. Telok Melano, Kg. Pandan, Pekan Tepus, Tanjong Manis, Kg. Kekan, Long Beyak, Pulau Burung
	Sabah	Kg. Binanun, Telupid, Danum, Pulau Ligitan, Kg. Bakapit, Kg. Kuamut, Tambunan, Kg. Paris Satu, Pulau Tiga, Kg. Sungai-sungai, Kg. Mansud, Pulau Tabawan, Kg. Bun-Bun, Kg. Mangkabau, Papar, Kg. Bait, Kg. Pulau Mabul, Kg. Pulau Mabul, Kg. Mansiat, Bandar Labuk, Karakit, Kg. Merapok, Pulau Lankayan, Pulau Bohayan, Keningau, Sadong Jaya, Pulau Libaran, Kg. Bukit Indah, Kg. Lung Manis, Kg. Kuala Sapi, Kg. Pensiangan
MY701A	N.Sembilan	Kg. Durian Daun, Bandar Chembong, Pekan Chengkau, Pekan Rembau, Bandar Seremban, Pekan Senawang, Pekan Pedas
	P.Pinang	Kaws. Perusahaan Prai, Bandar Prai, Tmn. Mak Mandin, Tmn. Jawa, Kg. Sg. Nujur, Bandar Baru Sbg. Jaya, Kg. Sama Gagah, Kg. Sg. Lokan, Kg. Contoh
	WP Putrajaya	Presint 8, Tmn. Presint II Fasa 3
	WPKL	Tmn. Tun Dr. Ismail
	Selangor	Kg. Org Asli Bukit Damar, Kg. Pulau Sebok, Sg. Penchala
	Perak	Kg. Makmur, Tmn. Cempaka
	Pahang	Kg. Semambu, Kg. Pdg Polo, Kg. Pengsenam, Pekan, Temerloh, Kg. Sg. Gau, Bandar Baru Peramu Jaya, Keledang, Kampong Permatang, Kg. Ketapang, Beserah
	Melaka	Pekan Batu Berendam, Pekan Ayer Molek
	Johor	Kg. Seri Pantai, Kg. Tengah
MY701T	N.Sembilan	Kg. Durian Daun, Pekan Chengkau, Bandar Chembong, Pekan Rembau, Pekan Pedas, Bandar Seremban, Pekan Senawang
	P.Pinang	Bandar Prai, Kaws. Perusahaan Prai, Tmn. Mak Mandin, Tmn. Jawa, Kg. Sg. Nujur, Bandar Baru Sbg. Jaya, Kg. Sama Gagah, Kg. Sg. Lokan, Kg. Contoh
	Selangor	Kg. Org Asli Bukit Damar, Kg. Pulau Sebok, Sg. Penchala
	WP Putrajaya	Presint 8

	Perak	Kg. Makmur, Tmn. Cempaka
	Melaka	Pekan Batu Berendam, Pekan Ayer Molek
	Pahang	Kg. Semambu, Kg. Pdg Polo, Kg. Pengsenam, Pekan, Bandar Baru Peramu Jaya, Temerloh, Kg. Permatang Keledang, Kg. Sg. Gau, Kg. Ketapang, Beserah
	Johor	Kg. Seri Pantai, Kg. Tengah
	Selangor & WP	Universiti Lim Kok Wing
	WP	Tmn. Presint II Fasa 3
	WPKL	Tmn. Tun Dr. Ismail
MY711A	Sabah	Kg. Tagas, Bandar Lubok Jaya, Papar, Nabawan, Sg. Marawali, Kg. Jaya Baru, Kg. Kipovo, Kg. Bukit Lalang, Kg. Bubul Baru, Kg. Patiu, Kg. Bahagia, Tmn. Nikmat, Kg. Mengkabung, Tauran, Kota Belud, Kg. Pangkalan, Kg. Sabah Baru, Keningau, Kg. Bambangan, Kg. Kinasaraban, Kg. Bulot, Pekan Baru Pitas, Bukit Minudut, Kg. Timbuk, Bandar Kim Fung, Kg. Piasau, Kg. Bolong, Bingkor, Kg. Tagudon Baru, Bandau, Kg. Damai, Kg. Kenangan, Kg. Bukit Bendera, Kalumpang, Kg. Kuari, Kg. Kologon, Kg. Kabogan Barat, Tanjung Sebat, Desa Kencana, Kg. Nagalang, Kg. Mainawo, Sipitang, Kg. Kusilad, Kg. Cina, Kg. Timbang Batu, Kg. Tambalugu, Kuala Tongod, Kg. Kiandut, Kg. Kiandongo Barat, Kg. Gayang, Kg. Kindali, Kg. Panaitan, Lahat Datu, Felda Sahabat 05, Kg. Tuarid Taud, Kg. Pengkalan, Kg. Beaufort Selatan, Kg. Marakau, Telupid, Kg. Tenom Baru, Kg. Sinarut Baru, Kg. Gersik Baru (WP Labuan)
	Sarawak	Kg. Tanah Puteh, Kg. Rayang, Kg. Baru, Kg. Melayu, Gunung Stunggang, Betong, Sg. Sampari, Kg. Sebala Tamat, Serian, Kg. Sg. Maong, Tmn. Matang Ria, Kg. Malaysia Jaya, Kg. Sijjak, Sg. Labuk, Kg. Hijrah, Long Daah Uma Aging, Kg. Sg. Dalam, Kg. Rimba Stapok, Kg. Pulau Melayu, Tmn. Matang Jaya, Ladang Linau Mewah, Sungai Miri, Sg. Padang Liku, Kg. Siol Kandis, Sg. Dalam
	Perak	Tanjung Malim
MY711T	Sabah	Kg. Tagas, Bandar Lubok Jaya, Papar, Nabawan, Sg. Marawali, Kg. Bahagia, Kg. Jaya Baru, Kg. Kipovo, Kg. Bukit Lalang, Kg. Patiu, Kg. Bubul Baru, Tmn. Nikmat, Kg. Mengkabung, Tauran, Kg. Pangkalan, Kota Belud, Kg. Sabah Baru,

MY711T	Sabah	Keningau, Kg. Bambangan, Kg. Kinasaraban, Kg. Bulot, Bukit Minudut, Pekan Baru Pitas, Kampung Piasau, Kg. Timbuk, Kg. Bolong, Bandar Kim Fung, Bingkor, Kg. Tagudon Baru, Kg. Damai, Kg. Kenangan, Kg. Bukit Bendera, Bandau, Kalumpang, Kg. Kologon, Kg. Kabogan Barat, Tanjung Sebat, Kg. Marakau, Desa Kencana, Kg. Nagalang, Kg. Mainawo, Sipitang, Kg. Kusilad, Kg. Cina, Kg. Timbang Batu, Kg. Tambalugu, Kuala Tongod, Kg. Kiandongo Barat, Kg. Gayang, Kg. Kuari, Kg. Panaitan, Kg. Kinali, Lahat Datu, Felda Sahabat 05, Kg. Pengkalan, Kg. Tuarid Taud, Kg. Beaufort Selatan, Kg. Tenom Baru, Telupid, Kg. Sinarut Baru, Kg. Gersik Baru (WP Labuan)
	Sarawak	Kg. Tanah Puteh, Kg. Melayu, Kg. Rayang, Gunung Stunggang, Kg. Baru, Betong, Sg. Sampari, Serian, Kg. Sebala Tarat, Kg. Sg. Maong, Tmn. Matang Ria, Kg. Malaysia Jaya, Kg. Kiandut, Sg. Labuk, Sg. Padang Liku, Kg. Hijrah, Long Daah Uma Aging, Kg. Sg. Dalam, Tmn. Matang Jaya, Ladang Linau Mewah, Kg. Pulau Melayu, Kg. Rimba Stapok, Sg. Miri, Kg. Siol Kandis, Sg. Dalam
	Perak	Tanjung Malim
T738 – Cetak Ulang	Sabah	Long Sukang, Kg. Kuala Karamuak
	Sarawak	Sg. Serani, Bario, Kg. Pueh

Peta-peta tematik yang telah dicetak sepanjang tahun 2013 adalah seperti berikut:

No Siri	Negeri	Nama Lembar
MY91001R	Sabah	Ranau, Beufort, Peta Daerah Kuala Penyu, Tongod, Kota Marudu, Sipitang, Sandakan, Keningau, Papar, Kudat, Kunak, Pensiangan, Tenom
	Perak	Kampar, Kinta
	Sarawak	Peta Daerah Dalat, Peta Daerah Sarikei, Peta Daerah Kanowit, Limbang, Betong, Peta Daerah Matu, Julau
	Kelantan	Gua Musang
	Johor	Kota Tinggi, Johor Bahru

-	-	Peta SPR Sarawak – Cetak Ulang
DNMM9101 – Cetak Ulang	-	Sabah dan Sarawak
MY90005R	-	Negeri Sembilan, Selangor Selatan, Selangor Utara, Kelantan, Johor Barat, Johor Timur, Pahang Timur, Kedah Utara, Pahang Barat & Kedah Selatan
-	-	Peta TPC (BGSP)
-	-	Peta Geologi – Belum – Hala Transect
-	-	Peta Geologi – Gajah Terom
-	-	JMG – Peta Geologi Maran
-	-	Mencetak Dokumen MoU & ToR JMG – Peta Sumber Mineral Negeri Johor JMG – Peta Sumber Mineral Negeri Pahang JMG – Peta Sumber Mineral Negeri Perak
MY90011		Pulau Batu Gajah, Pulau Setindan, Pulau Sepol, Pulau Ceben, Pulau Tulai dan Pulau Pemanggil
-	Sarawak	Peta Geologi
MY91008	-	Sabah & Sarawak
MY92001	-	Malaysia – Politik dan Fizikal

Pencapaian aktiviti percetakan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
Cetak Peta Topografi	400	381 (95%)	350	452 (129%)
Cetak Peta Tematik	65	45 (69%)	40	63 (158%)
Cetak Bukan Peta	160	203 (128%)	160	160 (100%)

Aktiviti pracetak melibatkan kerja-kerja reka bentuk dan susun atur sebagai persediaan bahan cetak serta penyediaan prof dan plat cetak

Pencapaian aktiviti pracetak sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
DTP (bil kerja)	160	129 (81%)	160	160 (100%)
Prof (keping)	465	530 (114%)	390	515 (132%)
Plat (keping)	2,200	1,670 (76%)	2,200	2,880 (131%)

Aktiviti pascacetak melibatkan kerja-kerja penyudahan selepas proses pencetakan dijalankan.

Pencapaian aktiviti pascacetak sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
Penjilidan (unit)	50,000	36,590 (73%)	70,000	102,409 (146%)

### Pemetaan Utiliti

Pemetaan utiliti melibatkan proses memperolehi dan mengenalpasti jenis pemasangan dan perkhidmatan utiliti kemudahan awam yang tertanam di bawah tanah dan menyediakan maklumat dan kedudukan utiliti dalam bentuk digital atau salinan cetak.

Maklumat kedudukan pemasangan utiliti yang lengkap dan tepat diperlukan bagi membantu mengurangkan dan mengelakkan berlakunya masalah gangguan perkhidmatan yang diakibatkan oleh kerosakan pemasangan utiliti semasa pelaksanaan kerja-kerja pengorekan. Kekerapan berlakunya kerosakan ini juga menyebabkan kualiti hidup penduduk terjejas dan memberi impak negatif kepada ekonomi negara.



Pencapaian aktiviti pemetaan utiliti sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut :

Aktiviti	SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
Perolehan Data dan Maklumat Utiliti daripada semua agensi pemilik utiliti (TNB, TM, IWK, Gas Malaysia dan Syarikat Bekalan Air Negeri)	4 daerah	4 Daerah (100%) Hulu Selangor, Port Dickson, Rembau dan Kuala Pilah.	4 daerah iaitu Jelebu, Tampin, Jempol dan Labuan	100% Data Telekom Malaysia 75% Data IWK kecuali Labuan Tiada data diterima dari SAINS, Gas Malaysia dan TNB.  Kemajuan = 44% (TNB tiada data bagi kawasan tersebut)
Pengisian Data Utiliti dan Data Peta Asas ke Pangkalan Data Utiliti Kebangsaan (Data utiliti yang diterima dimuatkan)	4 daerah	4 Daerah (100%) Hulu Selangor, Port Dickson, Rembau dan Kuala Pilah.	4 daerah iaitu Jelebu, Tampin, Jempol dan Labuan	100% Data Telekom Malaysia 75% Data IWK kecuali Labuan Tiada data diterima dari SAINS, Gas Malaysia dan TNB.  Kemajuan = 44% (TNB tiada data bagi kawasan tersebut)
Pengesanan, Pengukuran dan Verifikasi Pemasangan Utiliti Bawah Tanah dilapangan	112km	122.5km (101%) Kerja ukuran melibatkan kawasan Putrajaya dan Negeri Selangor	112km Kerja ukuran melibatkan kawasan Shah Alam	Sebanyak 113.6km telah siap dijalankan ukuran pengesanan, pengukuran dan verifikasi  Shah Alam = 100.4 km Putrajaya = 3.9 km Petaling Jaya = 9.3 km Kemajuan = 101%
Penyediaan Peta Asas Skala 1:500	550 lembar	550 lembar (100%) Suntingan dan pendigitan butiran topografi dari ortofoto bagi Putrajaya, Shah Alam dan Petaling Jaya	550 Lembar Suntingan dan pendigitan butiran topografi dari ortofoto bagi Putrajaya, Petaling Jaya dan Sepang	Sebanyak 550 lembar telah didigit butiran topografi.  Petaling Jaya = 75 lembar Putrajaya = 375 lembar Sepang = 100 lembar  Kemajuan = 100%
Penerbitan Peta Utiliti	37 lembar	39 lembar (105%) Membuat suntingan kartografi & penerbitan peta utiliti atas permintaan/ <i>print on demand</i> bagi Putrajaya dan Cyberjaya	46 Lembar Membuat suntingan kartografi & penerbitan peta utiliti atas permintaan/ <i>print on demand</i> bagi Putrajaya dan Cyberjaya	Sebanyak 50 lembar telah siap suntingan, penilaian kartografi dan siap sedia untuk cetakan Peta Utiliti  Putrajaya = 34 lembar Cyberjaya = 16 lembar  Kemajuan = 109%

Pencapaian aktiviti Penyediaan Peta Asas Skala 1:500 bagi tempoh lima (5) tahun terakhir :

Tahun	SKT	Pencapaian (Lembar)					Jumlah
		Putrajaya	Cyberjaya	Kuala Selangor	Shah Alam	Sepang	
2009	550	291	259	-	-	-	550
2010	550	245	-	305	-	-	550
2011	550	-	-	55	495	-	550
2012	550	25	-	-	193	-	332
2013	550	375	-	-	-	100	550
<b>JUMLAH</b>		<b>936</b>	<b>259</b>	<b>360</b>	<b>688</b>	<b>100</b>	<b>2750</b>

Pencapaian aktiviti Penerbitan Peta Utiliti bagi tempoh lima (5) tahun terakhir adalah seperti berikut :

Tahun	SKT (Lembar)	Pencapaian (Lembar)	Kawasan
2009	35	44	Putrajaya
2010	35	37	Putrajaya
2011	37	37	Putrajaya & Cyberjaya
2012	37	39	Putrajaya & Cyberjaya
2013	46	50	Putrajaya & Cyberjaya
<b>JUMLAH</b>		<b>207</b>	

### Perkhidmatan Pemetaan

Perkhidmatan Pemetaan terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara (PMJDGN), Stor Pusat Peta Negara dan Perpustakaan Peta Negara.

Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara (PMJDGN) berperanan menguruskan perkhidmatan membekalkan serta menjual produk-produk pemetaan yang dihasilkan oleh JUPEM. PMJDGN juga berperanan membuat tapisan keselamatan bagi mana-mana permohonan untuk mendapatkan produk atau data yang berklasifikasi terhad.





Stor Pusat Peta Negara merupakan pusat penyimpanan peta-peta yang diterbitkan oleh JUPEM. Peta-peta ini akan disimpan secara pukal sebelum diedar kepada pihak-pihak tertentu terutamanya Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Ia juga berfungsi membekalkan peta-peta yang dijual melalui Pusat Maklumat dan Jalan Data Geospasial Negara (PMJDGN).

Perpustakaan Peta Negara pula berperanan menyediakan sumber atau bahan rujukan dalam bidang ukur dan pemetaan, khususnya kepada kakitangan JUPEM dan orang awam amnya. Perpustakaan Peta Negara menyediakan pelbagai koleksi buku, jurnal teknikal dan bahan-bahan terbitan lain yang berkaitan dengan ukur dan pemetaan.

Pencapaian aktiviti perkhidmatan pemetaan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Aktiviti	SKT 2012	Pencapaian 2012	SKT 2013	Pencapaian 2013
Semakan Pruf (lembar)	350	450 (129%)	370	446 (120%)
Memproses Permohonan Bahan Pemetaan, Lesen Hakcipta dan Permit Cetak Semula (permohonan)	650	792 (122%)	700	752 (107%)
Perkhidmatan Perpustakaan (perolehan peta, buku dll) (naskhah)	4,000	5,374 (134%)	4,500	4,505 (100%)
Pendokumentasian Koleksi Perpustakaan (jilid)	2,500	3,716 (149%)	3,000	3,305 (110%)
Pengedaran Bahan Terbitan JUPEM (naskhah)	18,000	31,059 (172%)	25,000	36,842 (147%)
Penerimaan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping)	350,000	249,000 (71%)	250,000	495,818 (198%)
Pembekalan Peta oleh Stor Pusat Peta (keping)	220,000	141,559 (64%)	150,000	171,662 (114%)

## UKURAN KADASTER

Di bawah Ukuran Kadaster, laporan adalah merangkumi pencapaian aktiviti-aktiviti utama JUPEM Negeri bagi Ukuran Hak Milik Tanah, Semakan Kerja Juruukur Tanah Berlesen (JTB), Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat I dan Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat II.

Kejayaan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) membangun dan melaksanakan sistem eKadaster telah memberi kesan yang baik terhadap pencapaian prestasi keseluruhan di Bahagian Kadaster. Sistem berkenaan juga telah berjaya memendekkan proses pengukuran dan penyediaan pelan hakmilik tanah sekali gus dapat menghasilkan impak yang besar kepada pembangunan negara yang pesat berkembang.

Penggunaan teknologi jalur lebar tanpa wayar, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), Sistem Maklumat Geografi (GIS), sistem navigasi satelit global dan sistem ukur terkini adalah ciri-ciri yang terdapat dalam sistem eKadaster. Ia juga bagi mewujudkan *National Digital Cadastral Database* (NDCDB) melalui pembangunan infrastruktur Kawalan Ukur Kadaster (CCI) supaya NDCDB yang berasaskan *Survey Accurate Coordinate* dapat menggantikan Pangkalan Data Ukur Kadaster Negeri (PDUK) yang tidak homogen. Kerja-kerja ukuran hak milik strata yang selama ini dibuat kaedah manual kini diproses secara digital dan disimpan ke dalam Pangkalan Data Ukur Strata / Stratum / Marin (PDUSSM).

### Pencapaian Ukuran Hak Milik Tanah


Kemajuan yang dicapai bagi aktiviti Ukuran Hak Milik Tanah tahun 2013 adalah berjumlah 55,764 lot atau 102% daripada sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 54,700 lot. Perincian ke atas pencapaian dan beban kerja mengikut JUPEM Negeri adalah seperti di jadual :



NEGERI	SKT 2013	PRESTASI 2013		BEBAN KERJA
	(Lot)	(Lot)	%	(Lot)
Johor	8,200	8,560	104	6,983
Kedah	6,700	5,939	89	1,227
Kelantan	7,200	6,490	90	3,035
Melaka	1,600	2,107	132	474
Negeri Sembilan	3,800	3,441	91	763
Pahang	5,700	5,757	101	647
Perak	6,600	7,248	110	1,164
Perlis	1,800	2,219	123	1,456
Pulau Pinang	1,300	692	53	59
Selangor	4,000	3,919	98	4,296
Terengganu	6,100	8,990	147	4,854
W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	1,600	253	16	34
W.P.Labuan	100	149	149	4
<b>JUMLAH</b>	<b>54,700</b>	<b>55,764</b>	<b>102</b>	<b>24,996</b>

Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Untuk Pengukuran Hak Milik Tanah Bagi Tempoh Lima (5) Tahun :

TAHUN	2009 (Lot)	2010 (Lot)	2011 (Lot)	2012 (Lot)	2013 (Lot)
Siap	63,471	44,567	54,730	55,007	55,764
Beban Akhir Tahun	40,601	32,825	28,303	17,151	24,996




### Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Tanah oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB)

Kemajuan yang dicapai bagi aktiviti Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Tanah oleh JTB bagi 2013 adalah berjumlah 143,324 lot atau 131% daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 109,000 lot. Pencapaian keseluruhan mengikut negeri-negeri adalah seperti di jadual :

NEGERI	SKT 2013 (Lot)	PRESTASI 2013 (Lot)	%	BEBAN KERJA (Lot)
Johor	21,100	21,226	101	17,397
Kedah	12,000	15,774	131	6,050
Kelantan	11,000	14,933	136	3,450
Melaka	3,000	4,210	140	1,534
Negeri Sembilan	6,000	8,889	148	1,844
Pahang	8,000	13,219	165	2,764
Perak	10,980	18,338	167	4,175
Perlis	1,200	1,522	127	290
Pulau Pinang	4,000	5,150	129	1,264
Selangor	20,000	21,862	109	24,079
Terengganu	9,700	17,106	176	4,039
W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	2,000	996	50	595
W.P.Labuan	20	99	495	0
<b>JUMLAH</b>	<b>109,000</b>	<b>143,324</b>	<b>131</b>	<b>67,481</b>

Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja Untuk Pengukuran Hak Milik Tanah Bagi Tempoh Lima (5) Tahun:

TAHUN	2009 (Lot)	2010 (Lot)	2011 (Lot)	2012 (Lot)	2013 (Lot)
Siap	193,070	140,440	114,165	135,566	143,324
Beban Akhir Tahun	25,469	42,564	37,220	51,759	67,481




## Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat I

Pencapaian tahun 2013 untuk Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat I, berjumlah 57,585 petak iaitu 139% daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 41,270 petak. Perincian ke atas pencapaian dan beban kerja mengikut JUPEM Negeri adalah seperti di jadual berikut:

NEGERI	SKT 2013	PRESTASI 2013		BEBAN KERJA
	(Lot)	(Lot)	%	(Lot)
Johor	3,000	3,772	126	335
Kedah	0	0	0	0
Kelantan	0	0	0	246
Melaka	300	543	181	333
Negeri Sembilan	150	445	297	0
Pahang	500	923	185	97
Perak	320	367	115	0
Perlis	0	0	0	0
Pulau Pinang	4,000	7,614	190	1,430
Selangor	22,000	25,195	115	7,476
Terengganu	0	12	0	0
W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	11,000	18,714	170	3,720
W.P.Labuan	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>41,270</b>	<b>57,585</b>	<b>139</b>	<b>13,637</b>


Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja semakan kerja ukuran hak milik strata peringkat I bagi tempoh lima (5) tahun:

TAHUN	2009 (Petak)	2010 (Petak)	2011 (Petak)	2012 (Petak)	2013 (Petak)
Siap	81,902	77,670	60,426	71,149	57,585
Beban Akhir Tahun	9,666	16,428	11,985	13,850	13,637



## Pencapaian Semakan Kerja Ukuran Hak Milik Strata Peringkat II

Peringkat II melibatkan semakan Pelan Akui Strata dan Penyediaan Surat Hak Milik Strata. Penyediaan Surat Hak Milik Strata bagi tahun 2013 telah mencapai 72,205 petak iaitu 106% daripada matlamat tahunan berjumlah 68,000 petak.



Semakan Strata Peringkat 1



Semakan Strata Peringkat 2



Penyediaan Surat Hak Milik

Perincian ke atas pencapaian dan beban kerja mengikut JUPEM Negeri adalah seperti di jadual:

NEGERI	SKT 2013 (Lot)	PRESTASI 2013 (Lot)	%	BEBAN KERJA (Lot)
Johor	6,050	6,137	101	0
Kedah	550	268	49	0
Kelantan	0	0	0	0
Melaka	500	335	67	0
Negeri Sembilan	1,000	682	68	0
Pahang	900	1,305	145	0
Perak	1,000	1,480	148	0
Perlis	0	0	0	0
Pulau Pinang	15,000	11,930	80	0
Selangor	28,000	23,480	84	0
Terengganu	0	157	0	0
W.P. Kuala Lumpur/ Putrajaya	15,000	26,431	176	441
W.P.Labuan	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>68,000</b>	<b>72,205</b>	<b>106</b>	<b>441</b>

Perbandingan Prestasi dan Beban Kerja semakan kerja ukuran hak milik strata peringkat II bagi tempoh lima (5) tahun:

TAHUN	2009 (Petak)	2010 (Petak)	2011 (Petak)	2012 (Petak)	2013 (Petak)
Siap	205,537	87,381	80,001	74,069	72,205
Beban Akhir Tahun	33,923	15,306	12,076	16,189	441



#### Pencapaian Penandaan Titik Kawalan CRM


Cerapan titik kawal CRM (*Cadastral Reference Mark*) dilaksanakan adalah bertujuan untuk memantapkan lagi ketepatan dan kejituan NDCDB (*National Digital Cadastral Database*) di semua JUPEM Negeri. Pencapaian cerapan adalah seperti:

NEGERI	Titik Kawal CRM	
	Fail	Titik Kawal
Johor	1542	6,008
Kedah	752	1,064
Kelantan	369	966
Melaka	120	416
N.Sembilan	600	2,055
Pahang	505	1,762
Perak	409	1,404
Perlis	198	585
Pulau Pinang	175	365
Selangor	481	2,314
Terengganu	97	392
W.P. KL/ Putrajaya	108	304
W.P. Labuan	12	36
<b>JUMLAH</b>	<b>5,368</b>	<b>17,671</b>

## GEOSPATIAL PERTAHANAN

### Bantuan Khidmat Teknikal Geospasial Pertahanan

Bahagian Geospasial Pertahanan (BGSP) berperanan memberi bantuan khidmat nasihat teknikal geospasial pertahanan kepada sistem-sistem pertahanan dan persenjataan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang menggunakan perkhidmatan geospasial.



### Program uGeo for Defence

Melalui pelaksanaan program ini, BGSP terlibat secara langsung di dalam menyediakan maklumat dan perkhidmatan geospasial pertahanan kepada ATM. Di antara skop-skop program *uGeo for Defence* difasa permulaan untuk aktiviti ini ialah:

- Integrasi *Defence Geographic Information System*.
- Program *Outreach*.
- Program Pembangunan Geospasial Pertahanan.
- Doktrin Geospasial Pertahanan.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pemetaan Tentera.

Kemajuan semua program ini sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

BIL	AKTIVITI	SKT 2013	Pencapaian 2013
1	<i>Integrasi Defence Geographic Information System (DGIS)</i> melalui projek <i>Network Centric Operation (NCO)</i> ATM	Rekabentuk-Fasa 2 Pelaksanaan-Fasa 1	100%
2	Program <i>Outreach</i>	10 Sesi	18 Sesi (180%)
3	Seminar Geospasial	3 Kali	2 Kali (67%)
4	Program Pembangunan Geospasial Pertahanan	5 Program	100%
5	Penyiapan Doktrin a. Doktrin Aplikasi <i>Geospasial Mobile System (GSMS)</i> .	Fasa 3, 4 & 6	100%
	b. Doktrin Kejuruteraan Geospasial.	Fasa 1 & 2	100%
6	Mesyuarat Jawatankuasa Pemetaan Tentera	1 Kali	1 Kali

### Khidmat Nasihat Teknikal Kepada ATM

BGSP berperanan memberi bantuan khidmat nasihat teknikal geospasial pertahanan kepada sistem-sistem pertahanan dan persenjataan moden ATM yang menggunakan perkhidmatan geospasial. SKT Tahun 2013 mensasarkan kepada tiga (3) sistem di mana pelaksanaannya mengikut fasa-fasa berikut:

- Projek *Eurocopter*.
- Projek *Armoured Personnel Carrier (APC8X8)*.
- Sistem Olah Perang Berkomputer Tentera Darat.



Kemajuan keseluruhan aktiviti ini sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian 2013
1.	Memantau dan memberi khidmat nasihat teknikal kepada perolehan sistem-sistem pertahanan ATM berkenaan keperluan data geospasial pertahanan	3 Sistem	100%

### Pembangunan Maklumat Geospasial Pertahanan

Skop program *uGeo for Defence* fasa permulaan untuk aktiviti pembangunan maklumat geospasial pertahanan merangkumi penyediaan data geospasial pertahanan yang menjurus kepada pembangunan dataset berskala 1:50,000 bagi *Vector Smart Map (VMAP) Level 2* dan *Vector Interim Terrain Data (VITD)*. Sumber utama data diperolehi daripada Seksyen Pangkalan Data JUPEM yang merangkumi Pangkalan Data Kartografi dan Topografi.

SKT 2013 memfokuskan produk-produk geospasial pertahanan dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* bagi menerbitkan Peta Topografi versi tentera iaitu *Topographic Line Map (TLM)* dan *Common Operation Map (COM)* yang berskala 1:50,000, Peta Lapang Sasar dan menyediakan spesifikasi peta TLM.



Di antara skop dan aktiviti pembangunan maklumat ialah:

1. Penyediaan Data Vektor Geospasial Pertahanan.
2. Memperluaskan Pangkalan Data Geospasial Pertahanan.
3. Produk Geospasial Pertahanan Untuk Kegunaan ATM.
4. Buku Panduan Produk Geospasial Pertahanan.

Kemajuan kesemua skop-skop tersebut sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian 2013
1.	Mewujudkan data "asas" VITD dan VMAP daripada data geospasial keluaran DPNM	Sabah dan Sarawak Siri T 738 (278 lembar) Fasa C dan D	100%
2.	Mengemaskinkan data "asas" VITD dan VMAP daripada data geospasial Siri MY501T	Semenanjung Malaysia Siri MY501T (98 lembar) Fasa C dan D	100%
3.	Mengemaskini Deraf Arahan Pemetaan 1/96	1 kali	100%
4.	Mengemaskinkan Deraf Dasar Stok Peta Topografi dan Carta Udara untuk ATM	1 kali	100%
5.	Spesifikasi Peta TLM	1 kali	100%
6.	Mengeluarkan produk geospasial pertahanan		
	a. <i>Topographic Line Map</i>	30 lembar	100%
	b. <i>Common Operation Map</i>	4 lapang sasaran	100%
	c. Lapang sasaran	2 lapang sasaran	100%
7.	Mengeluarkan peta <i>hardcopy</i> COM untuk Ops PASIR		
	a. Peta COM berskala 1:50,000	28 lembar (pesisir pantai Sabah)	100%
	b. Peta COM Sabah berskala 1:750,000	1 lembar (Keperluan untuk pusat-pusat penempatan sector A dan B Ops PASIR)	100%
8.	Peta berskala 1:100,000 untuk kegunaan PUTD	4 lembar (Semenanjung Malaysia)	1 Lembar (25%) (Hanya 1 lembar di laksanakan kerana kelewatan penerimaan perisian berkaitan)
9.	Peta dalam format GeoPDF	40 lembar	100%

## Bantuan Khidmat Geospasial Pertahanan di Medan

### 1. Penglibatan BGSP Dalam Latihan dan Operasi

BGSP melaksanakan aktiviti latihan bagi memberi pendedahan kepada pegawai dan staf dalam situasi sebenar di medan perang. Aktiviti latihan yang telah dijalankan adalah dalam bentuk bantuan penyediaan data dan juga khidmat nasihat geospasial pertahanan.

Bagi aktiviti operasi, BGSP telah terlibat di dalam Ops Daulat yang dilancarkan oleh kerajaan Malaysia susulan pencerobohan pengganas di Lahad Datu, Sabah dari 10 Mac 2013 hingga 12 Jun 2013. Di dalam operasi ini, BGSP telah terlibat secara langsung dalam memberi perkhidmatan geospasial pertahanan kepada semua elemen keselamatan dan pertahanan (ATM, PDRM, APMM, MKN dan ESSCOM) seperti khidmat nasihat pemetaan, pembesaran peta, analisa foto udara dan satelit melalui bantuan daripada JUPEM Sabah, Agensi Remote Sensing Malaysia dan Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.

BGSP juga telah mengeluarkan peta *Collateral Damage* bagi memetakan penempatan dan kawasan yang rosak dan musnah serta maklumat pemilik dan gambar sebagai rekod secara spatial untuk kegunaan di masa hadapan. Selain itu, BGSP juga telah menyediakan perkhidmatan web untuk bantuan kemanusiaan dan bencana alam semasa Ops Banjir pada awal Januari 2013.





Kemajuan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian 2013
1.	Exercise Bersama ATM	5 Kali	6 Kali (120%)
2.	Operasi	1 Kali	1 Kali
3.	Perkhidmatan Web Untuk Bantuan Kemanusiaan dan Bencana Alam	1 Kali	1 Kali

## 2. Instalasi Data Geospasial Pertahanan

Aktiviti instalasi data dilaksanakan selepas sesuatu sistem pertahanan dan persenjataan ditauliahkan dan diterima masuk dalam inventori dan perkhidmatan ATM. Pada tahun 2013, tiga (3) sistem telah dibuat proses instalasi dan pencapaian sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian 2013
1.	Melaksanakan proses instalasi kepada projek ATM	3 Sistem a. Mortar 120MM 2R2M. b. Extended Air Defence Simulator (EADSIM). c. Ground Navigation Equipment (GNE).	100%

## 3. Pembesaran Peta

Aktiviti ini bergantung kepada permintaan dari Markas Formasi bagi tujuan latihan terutamanya yang melibatkan *Command Post Exercise* dan perancangan operasi. Selain itu BGSP juga mengeluarkan peta pelbagai tema untuk kegunaan tentera di kawasan-kawasan yang diperlukan seperti imej daripada satelit, *unmanned ariel vehicle* dan foto udara.

Kemajuan sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	SKT 2013	Pencapaian 2013
1.	Pembesaran Peta untuk Markas Formasi	50 lembar	72 lembar (144%)
2.	Percetakan Peta Pelbagai Tema	1000 lembar	1050 lembar (105%)

## Penguatkuasaan Pekeliling Arahan Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat

### Permohonan Permit Penggambaran/Pemetaan Udara dan Permit Aktiviti Pengutipan Data Di Lapangan

